



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 02 OGOS 2016 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**Dewan disambung semula**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang ke-13 pada 2 Ogos 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : BEKAS POLISTERIN**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri atau mana-mana PBT telah melarangkan penggunaan bekas polisterin di Selangor?
- b) Apakah tarikh ia berkuat kuasa?
- c) Apakah peruntukan undang-undang sedia ada untuk menguatkuasakan larangan ini?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : LARANGAN PENGGUNAAN POLISTIRENA**

113. Bertanya kepada Y.A.M. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakan pencapaian dalam pelaksanaan larangan penggunaan polistirena di agensi-agensi Kerajaan Negeri?

- b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri akan selaraskan polisi larangan penggunaan polistirena?
- c) Bagaimanakah penyelesaian terhadap aduan dan bantahan peniaga dalam pelaksanaan larangan penggunaan polistirena?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin jawabkan soalan ini bersekali dengan soalan 113 daripada Kinrara. Tuan Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbangkan dan meluluskan dasar pengurangan penggunaan beg plastik dan polisterin di negeri Selangor melalui kertas pertimbangan MMKN ke-21/2016 yang telah diadakan pada 23 Jun 2016 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-22 pada 13 Julai 2016. Pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polisterin di negeri Selangor akan dilaksanakan pada setiap hari bermula bulan Januari 2017. Namun begitu semua majlis rasmi dan bangunan Kerajaan Negeri Selangor harus menghentikan penggunaan beg plastik dan polisterin pada setiap hari mulai bulan September 2016. Ini juga termasuk majlis-majlis dan juga program-program yang dijalankan ataupun dianjurkan dan juga disokong oleh Ahli Dewan Negeri Selangor. Tentang peruntukan undang-undang yang sedia ada setakat ini terdapat empat PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Sepang yang telah meluluskan peruntukan undang-undang iaitu undang-undang kecil penjaja yang undang-undang kecil penjaja. Untuk PBT-PBT lain mereka diberi masa untuk menggubalkan undang-undang tersebut pada masa yang terdekat. Soalan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinrara tentang aduan ataupun bantahan, setakat ini kebanyakan penjaja ataupun peniaga telah menyambut baik kempen untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan polisterin. Ini adalah *evidence* dengan izin semasa kita jalankan bulan Ramadhan yang mampan semasa bulan Ramadhan dua bulan yang lalu di mana peniaga juga masa itu digalakkan untuk tidak menggunakan polisterin ataupun beg plastik. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon kerjasama rapat daripada semua Ahli Dewan Negeri Selangor untuk melibatkan diri dalam kempen ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO. Apakah alternatif yang difikirkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor jika polisterin ini telah diharamkan sepenuhnya memandangkan penggunaan polisterin ini agak orang kata popular sebelum ini jadi ianya agak murah. Jadi itu soalan saya. Terima kasih.



**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Ini adalah satu isu *demand* dan *supply*. Kalau dengan izin *demandnya* tinggi maka harga bekas makanan boleh dikurangkan. Ada pelbagai alternatif sebagai contohnya kertas dengan izin *paper plate* ataupun *biodegradable* bekas makanan dan sebagainya. Semasa Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Selangor, kita daripada Kerajaan Negeri telah, kita cuba memberi satu contoh kepada orang ramai dengan penggunaan bahan-bahan ataupun bekas-bekas makanan yang boleh *biodegrade* dengan izin.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Di peringkat awal semasa kempen ini apakah insentif-insentif yang Kerajaan Negeri sanggup beri kepada mereka yang sanggup tukar kepada penggunaan *paper* apa ni *plate*.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Daripada awalnya contohnya semasa bulan Ramadhan di mana kempen untuk mengurangkan beg plastik dan juga polisterin dijalankan, kita memberi insentif melalui PBT iaitu sejumlah RM10,000 setiap PBT supaya mereka boleh menggalakkan penjaja-penjaja ataupun peniaga-peniaga di bazar Ramadhan untuk menggunakan bahan-bahan yang bukan polisterin.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang telah digunakan oleh setiap DUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menetapkan satu piawaian standard untuk menilai prestasi setiap DUN yang menjalankan Pusat Wanita Berdaya?
- b) Mengapakah pelantikan calon PWB tidak di iklankan di media sebagai pilihan kedua Kerajaan Negeri?
- c) Apakah cara orang awam boleh menilai prestasi seseorang PWB?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PROGRAM PWB**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besa:-

- a) Pihak manakah yang dilantik menguruskan program berstruktur PWB 10 modul yang menelan belanja kos RM 15 ribu bagi setiap DUN?
- b) Apakah justifikasi dan garis panduan bagi meluluskan program?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK: PUSAT WANITA BERDAYA**

284. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besa:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh setiap kawasan masing-masing dengan pencapaiannya.
- b) Nyatakan jumlah peserta program-program yang telah dianjurkan mengikut kawasan masing-masing

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Seri Serdang. Tuan Speaker saya akan menjawab bersekali dengan soalan 66 daripada Telok Datok, soalan 96 daripada Gombak Setia dan soalan 284 daripada Balakong. Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan serius dalam membangunkan wanita Selangor. Pusat Wanita Berdaya Selangor diwujudkan sebagai medan bagi memberdaya dan menggalakkan wanita di sesebuah komuniti untuk bergiat aktif dan melaksanakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada komuniti wanita tersebut. Ia juga adalah hak aktiviti wanita di DUN masing-masing. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM30,000 setiap DUN di setiap 56 DUN di seluruh negeri Selangor dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM1,680 ribu setahun di peruntukan. Oleh sebab soalan daripada Seri Serdang adalah berapakah peruntukkan Pusat Wanita Berdaya yang telah digunakan oleh setiap DUN maka saya memberikan lampiran mungkin saya tidak boleh membacakan setiap DUN tetapi ada dilampirkan penggunaan ataupun perbelanjaan setiap PWB di DUN masing-masing daripada Januari hingga Jun 2016. Mungkin untuk makluman Seri Serdang. Seri Serdang telah pun menggunakan RM5,700 dengan tiga program yang telah pun dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Seri Serdang tidak menerima lagi penyata itu jadi diharapkan pihak EXCO. Sebagai soalan tambahan satu lagi adakah program ini dihadkan berapa kali sebulan ataupun berapa bulan sekali untuk melangsaikan jumlah peruntukan yang telah diadakan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Seri Serdang. Sebenarnya untuk program-program PWB, kita tidak menghadkan kepada para penyelia untuk melaksanakan program-program pemerdayaan untuk wanita ini sama ada, cumanya kita menghadkan penggunaan peruntukkan paling maksimum adalah RM2,500 kerana program-program ini adalah program yang berskala kecil. Untuk kumpulan-kumpulan wanita dalam 30 ke-50 orang supaya kita boleh fokus program ini kepada wanita-wanita tersebut. Jadi tidak ada pengehadan berapa banyak program untuk menggunakan RM30,000 peruntukan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya nak ambil maklum tadi yang disebutkan oleh EXCO RM30,000 adalah untuk setahun. Dan saya difahamkan oleh taklimat daripada UPEN hanya RM2,500 sebulan. Begitu ya, yang disebutkan di dalam apa mesyuarat bersama dengan PWB. Soalan saya, saya difahamkan untuk

Selat Kelang ini telah digunakan RM21,000 untuk sehingga bulan empat dan tanpa dia tidak melalui ADUN Selat Kelang. Dia terus kepada EXCO. Saya difahamkan telah digunakan. Jadi soalan saya adakah Kerajaan Negeri boleh kena ada pertukaran bila tempoh penyelaras penyelia PWB tamat dan bermula 1hb empat. Jadi saya bertanya kepada kerajaan Selangor bolehkah duit yang telah digunakan yang sepatutnya untuk setahun tinggal hanya RM7,000 lebih kurang. Saya tidak dapat penyata, bolehkah di *top-up* untuk apa yang baki ini kerana telah banyak pakai sebelum itu tidak ada melalui ADUN.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, terima kasih Selat Kelang. Untuk maklumat Selat Kelang penggunaan peruntukan PWB untuk DUN Selat Kelang adalah sejumlah RM21,855 dengan 18 program yang telah dilaksanakan sehingga akhir Mac 2016. Dan sebenarnya Selat Kelang ini memang sangat aktif dalam melaksanakan program-program PWB. Namun kita juga maklum bahawa *balance* yang ada itu mungkin tidak mencukupi untuk setahun sehingga Disember 2016. Pihak Kerajaan Negeri tidak ada peruntukkan tambahan.....

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Boleh saya mencelah? Tak. Saya difahamkan hanya RM2,500. Di PWB difahamkan hanya boleh guna RM2,500 sebulan Speaker ya. Jadi macam mana boleh dalam tiga bulan dia boleh habis RM21,000? Sebab ini tidak melalui saya selaku ADUN terus kepada EXCO, diluluskan oleh EXCO dan dia tidak melibatkan wanita seluruh DUN Selat Kelang tetapi yang dipilih oleh penyelia.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Mungkin ini soalan yang agak... mungkin Selat Klang boleh kita berkomunikasi kerana soalan ini lebih spesifik untuk DUN Selat Kelang. Cumanya tadi soalan kedua daripada Selat Kelang tentang adakah Kerajaan Negeri boleh *top-up* tambahan. Jawapannya adalah tidak ada. Namun peruntukkan daripada ADUN mungkin boleh digunakan untuk melaksanakan program-program PWB dan tahun depan bolehlah digunakan sepenuhnya RM30,000 oleh penyelia yang baru. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian, jangan tanya soalan terlalu spesifik kepada DUN masing-masing ya, susah untuk EXCO dapatkan informasi *on the spot* untuk berikan. Baiklah Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker soalan nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : PERTANIAN UNTUK ANAK MUDA**

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besa:-

- a) Apakah rancangan kerajaan sebagai galakkan kepada golongan muda untuk menceburi bidang pertanian terutamanya di kawasan Bandar?
- b) Sejauh mana bimbingan akan diberikan sekiranya mereka ini berminat sama ada dari segi peruntukan kewangan dan latihan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Batu Tiga yang bertanya berkenaan dengan pertanian untuk anak muda. Kerajaan Negeri Selangor memang amat mengalu-alukan dan menggalakkan pembabitan golongan generasi muda untuk menceburi bidang pertanian. Khususnya di kawasan bandar. Galakkan dan sokongan Kerajaan Negeri Selangor ke atas golongan generasi muda tersebut adalah dengan mewujudkan program-program tersebut:-

- i) Program khusus untuk anak muda iaitu program agro generasi muda ataupun dengan singkatannya AGROGEM. Program AGROGEM adalah merupakan satu program yang bertujuan mengenal pasti golongan generasi muda yang telah memulakan projek pertanian dan seterusnya mereka ini akan dibantu dari segi bantuan peralatan ataupun kursus dan latihan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap produktiviti dan kualiti produk. Manakala bagi yang belum memulakan projek pertanian tetapi berminat akan diberikan pendedahan melalui program seminar dan kursus yang disesuaikan mengikut minat mereka. Satu seminar yang khusus untuk AGROGEM yang dilakukan setiap tahun pada tahun 2015 dengan kehadiran 186 orang dan meningkat sebanyak 39 peratus pada Program Seminar AGROGEM yang kedua pada 2016 dengan bilangan kehadiran 258 orang yang hadir. Dari sudut jumlah kelulusan yang diberikan bantuan juga, 2015 hanya RM290,000.00 manakala 2016 meningkat sebanyak RM120,132.00 dengan bajet kita keseluruhan peruntukkan untuk 2016 sebanyak RM170 000.00. Ini program pertama iaitu program AGRO Generasi Muda atau AGROGEM. Yang kedua, kita juga ada Program Ladang *Smart* Selangor diwujudkan untuk memberi peluang kepada golongan termasuk golongan generasi muda yang berpengalaman, berpengetahuan dan berminat untuk menceburi sektor pertanian tetapi tiada mempunyai tanah atau kawasan yang boleh dimajukan. Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan sekurang-kurang 30% daripada keluasan-keluasan tanah yang baru dibuka diperuntukkan kepada golongan generasi muda melalui program AGROGEM untuk

diusahakan secara berkelompok atau di dalam satu kawasan yang khas. Dan yang ketiga, program kebun komuniti diwujudkan untuk bagi memastikan setiap inci tanah milik Kerajaan Negeri Selangor yang terbiar, khususnya di kawasan bandar dapat dibangunkan untuk tujuan menghasilkan hasil tanaman makanan secara berkelompok dengan menggunakan teknologi-teknologi pertanian yang moden seperti contoh tanaman berkonsepkan inti kasi memandangkan kawasan tanah khusus di kawasan bandar amat terhad. Melalui program-program seperti yang telah dinyatakan, golongan-golongan generasi muda yang berminat untuk menjadikan bidang pertanian untuk satu kerjaya ataupun sumber ekonomi, Kerajaan Negeri telah pun menyediakan beberapa intensif galakan seperti berikut:

- i. Peruntukan kewangan secara tunai tidak diberikan. Tetapi bantuan dari segi peralatan bagi mereka yang telah memulakan projek dengan jumlah tidak melebihi RM30 000.00 untuk setiap peserta. Tujuan bantuan tersebut adalah untuk membantu mereka bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti hasil projek yang mereka ceburi.
- ii. Bagi mereka yang berminat tapi belum memulakan projek pertanian, Kerajaan Negeri Selangor menganjurkan program-program seminar dan kursus serta latihan yang berkaitan dengan sektor pertanian seperti program kursus tanaman berkonsepkan integrasi penternakan kambing, ayam daging, penternak ikan air masin / air tawar, penternakan lebah kelulut dan sebagainya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih kepada EXCO yang menjawab. Tetapi saya ingin bertanya tentang kadangkala program AGRO Generasi Muda bagi mereka yang telah memulakan projek-projek pertanian ini. Mereka dapati sukar untuk mendapat beberapa kelulusan terutama kalau tanah itu tanah TOL milik agensi lain. Jadi soalan saya apakah pihak EXCO ada mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi mereka yang terlibat di dalam projek ini untuk dimudahcarakan, dibimbing mereka agar ianya dapat dipastikan supaya projek ini tidak terbengkalai sebabnya, akhirnya jika tidak diluluskan mereka terpaksa berpindah ke tanah lain. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Batu Tiga, setakat ini bagi anak-anak muda khususnya berumur 18 tahun hingga 40 tahun melayakkan mereka untuk masuk dalam program AGRO Generasi Muda ini sekiranya setelah mereka memulakan projek-projek pertanian, dengan tanah yang sah taraf maksud katanya dimiliki sendiri, pajak ataupun mendapat T.O.L bagi tanah-tanah kerajaan

untuk tujuan pertanian boleh dimohon melalui T.O.L ada pun masalah untuk pihak kerajaan untuk membantu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Soalan. Saya hendak tanya tentang bagaimana peranan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) dalam konteks membantu memperkasakan program generasi pertanian untuk anak muda ini dalam konteks ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan yang bertanya bagi PKPS khususnya sekarang ini di *Selangor Fruits Valley* kita ada usahawan-usahawan tani. Usahawan-usahawan Tani dengan jumlah ekar yang telah pun kita *offer* kepada usahawan-usahawan tani untuk *apply* dan sudah pasti kita memberikan galakkan dan juga lebih fokus kepada generasi muda untuk menjadi usahawan tani di bawah kelolaan PKPS.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: GRADUATE EMPLOYABILITY ENHANCEMENT PROGRAMME (GEEP)**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar : -

- a) Apakah keberhasilan GEEP?
- b) Senaraikan kursus pendek yang telah dilaksanakan dalam GEEP?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Selangor 2016 berlandaskan konsep membangun 'Smart Selangor Yang Peduli' telah melahirkan hasrat untuk membina satu sistem pendidikan sehingga pencapaian kerjaya bagi memastikan graduan di Selangor boleh pasaran pekerjaan dalam hal ini program *Graduate Employability Enhancement Programme Smart Selangor* (dengan izin) ataupun PROGRESS telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 1 Januari 2016 dan dilaksanakan oleh Syarikat HR Consulting Sdn. Bhd. dengan kos program RM1.5 Juta. Program ini yang dilaksanakan sepenuhnya menggunakan bahasa Inggeris bukan sebuah program perintis bertujuan menyediakan graduan terpilih dengan pengalaman dan

kemahiran terutamanya *soft skill* (dengan izin) membantu kebolehpasaran graduan ini mendapat peluang pekerjaan. Program ini mensasarkan seramai 100 graduan yang dipilih oleh pihak HR latih dalam tempoh 7 bulan iaitu 1 bulan pembelajaran di dalam kelas dan 6 bulan program intensif. Kriteria pemilihan graduan adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Lahir di Selangor;
- iii. Berumur di bawah umur 27 tahun;
- iv. Graduan Ijazah Muda IPT dengan DPA 2.0 ke atas;
- v. Tidak bekerja sekurang-kurangnya 4 bulan dari tarikh penamatan pengajian.

Sehingga Julai 2016 status masa pelaksana PROGRESS adalah seperti berikut:

- i. Telah mendapat pekerjaan - 37 orang
- ii. Melanjutkan pelajaran - 1 orang
- iii. Menjalani latihan di lapangan di syarikat terpilih - 56 orang
- iv. Dalam proses penempatan latihan lapangan - 6 orang
- v. Jumlahnya - RM100 orang.

Tuan Speaker secara keseluruhan program PROGRESS telah dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan bermula Januari 2016 sehingga Disember 2016. Graduan terpilih akan menjalani kursus intensif ataupun pendek satu bulan di dalam kelas (*class training*) yang melibatkan 9 modul iaitu:

1. *Building and Achieving Self Efficacy*
2. *Effective Business Writing*
3. *Project & Event Management*
4. *Dinamic & Interpersonal Skills*
5. *Business Management & Appreciation*
6. *Persuasive Business Presentation*
7. *Problem Solving & Critical Thinking*
8. *ICT Skill for SMART Selangor*
9. *Exceeding Demand Gearing for Excellence*

Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Adakah program *list* sama *Graduate Management Skill* yang dilaksanakan di bawah Selangor *Human Resources*



*Development Centre*, kalau ia sama mengapa perlu mengambil satu lagi syarikat runding yang lain?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ini program yang berbeza dan melibatkan modul yang berbeza daripada program SHRDC.

**TUAN SPEAKER:** Soalan. Ya, Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya hendak tanya Kerajaan Negeri berhubung berapakah ... program yang dijalankan? Apa yang kita dapat dari segi statistik adalah terdapat 161 000 *graduate* yang menganggur ataupun tiada kerja *six month from they graduated* adakah skala ini terlalu kecil untuk *solve problem*.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Sebab itu ini memerlukan sebuah program *pilot* ataupun *pilot project* yang kita nilai keberkesannya pada tahun ini dan kita lihat adakah kita akan lebarkan atau luaskan lagi pada tahun-tahun akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 19 telah dijawab bersekali dengan soalan 2. Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: SEKTOR PELANCONGAN**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar : -

- a) Berapa peratuskah pendapatan dari sumber sektor ini kepada Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan pertambahan semasa pentadbiran kini dan BN dahulu?
- c) Bagaimanakah pelancongan di Selangor dapat meningkatkan sumber pendapatan negeri?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Bagi sektor pelancongan nilai kadar pertumbuhan KDNK ataupun Keluaran Dalam Negeri. kadar kasar negeri Selangor telah dilihat melalui sektor Perkhidmatan di mana di bawah sektor perkhidmatan ia dapat dinilai melalui "Perkhidmatan Utiliti, pengangkutan, penyimpanan & Komunikasi' dan Perkhidmatan Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan & Restoran. Jenis aktiviti-aktiviti ini lebih menunjukkan

perkhidmatan dalam ekonomi industri pelancongan yang saling berkait rapat dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan pendapatan Negeri Selangor.

Merujuk kepada Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2014/2015 oleh Unit Perancang Ekonomi negeri Selangor, Peratusan bagi perbandingan antara sektor pada tahun 2015, menunjukkan sektor perkhidmatan menyumbang , 59.4% daripada nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Negeri Selangor mengikut sektor, pada harga Malar 2010. Hal ini juga menunjukkan sumbangan besar sektor perkhidmatan termasuk industri pelancongan kepada Negeri Selangor bagi tahun 2015.

Yang Berhormat Lembah Jaya, saya telah melampirkan diagram ataupun maklumat yang lebih terperinci dalam jawapan yang akan diserahkan kepada Yang Berhormat.

Perbandingan sektor perkhidmatan dalam pendapatan ekonomi Negeri Selangor dapat dilihat dalam peratusan peningkatan seperti berikut: Pada tahun 2009, nilai yang ditambah ada RM67.8 Juta. Pada tahun 2015, nilai yang ditambah adalah RM143.4 Juta. Jadi peratusan peningkatan adalah 111.5%.

Pelancongan di negeri Selangor dapat meningkatkan pendapatan negeri dengan dua cara. Salah satu mempromosi pelancongan negeri Selangor supaya kita boleh mendapat pelancong dengan lebih ramai. Keduanya, adalah meningkatkan perbelanjaan setiap pelancong. Pada masa ini, kira-kira RM2,600.00 seorang pelancong.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PELAKSANAAN PROGRAM KARNIVAL KAMPUNGKU  
KESAYANGANKU**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar : -

- a) Berapakah kos pengendalian program Karnival Kampungku Kesayangku?
- b) Berapakah kos program dilaksanakan di setiap daerah?
- c) Apakah kesan jangka panjang kepada ekonomi desa di atas penganjuran program ini?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Kota Anggerik menanyakan berkaitan pelaksanaan program Karnival Kampungku Kesayanganku ataupun 3K merupakan program tahunan yang telah dilaksanakan bermula 2015 untuk memperkasakan institusi kampung. Objektif utama adalah secara integrasi jabatan dan agensi di bawah Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Kampung Tradisi iaitu Jabatan Agama Islam, Jabatan Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan dan UPEN, untuk membawa mesej-mesej merakyatkan jabatan untuk difahami ataupun diturunkan kepada masyarakat-masyarakat di kawasan tempatan melalui program ini. Program ini diteruskan pelaksanaan pada tahun 2016 selepas mendapat maklum balas positif daripada Pejabat Daerah dan juga kampung atau pun masyarakat tempatan. Anggaran kos pelaksanaan karnival ini bagi satu daerah adalah sebanyak RM172 000.00 dan terperinci adalah seperti berikut. Kerana ia melibatkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang mana sebahagian daripada jabatan-jabatan juga tidak mempunyai peruntukan-peruntukan secara khusus untuk mereka merakyatkan program jabatan mereka. Satu Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (Sektoral) STANDCO pembangunan Desa & Kampung 70 000. JAIS melalui STANDCO Hal Ehwal Agama Islam 3,000. PADAT melalui STANDCO Adat Melayu dan Warisan 9,000. Lembaga Zakat Selangor – 5,700. Jawatankuasa Keselamatan Kampung 2,000. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor melalui Bahagian Dakwah & Unit Undang-undangan Keluarga 6,200. Jabatan Mufti Selangor – 300. Masjid - 1,000 dan Pusat Khidmat Masyarakat 2,000 yang menjadikan jumlah / total 1 720 000. Di mana Pusat Khidmat Masyarakat terlibat secara langsung program sukan dan jamuan rakyat. Untuk makluman bahawa program ini dilaksanakan satu program di setiap daerah. Yang pelbagai program dilaksanakan 2 hari di karnival yang dilangsungkan. Berkaitan kesan jangka panjang pada ekonomi desa penganjuran program ini, semasa penganjuran Karnival Kampungku Kesayanganku penduduk pembangunan Desa telah memberi peluang galakan perniagaan masing-masing. Karnival ini juga dijalankan dijadikan medium untuk peniaga kampung memperkenalkan produk-produk yang mereka miliki. Ramai yang terdiri sebahagian besarnya di jabatan-jabatan kerajaan yang datang ke karnival tersebut dan juga orang ramai. Pengenalan ini seterusnya dapat membantu peniaga kampung untuk berkongsi produk-produk mereka semasa syarikat-syarikat luar bandar. Selain daripada itu ia juga di jadikan medium kita promosi kan program-program usahawan komuniti yang mana sebahagian besar mereka ini ditemu duga dalam / untuk terlibat program usahawan komuniti yang juga pengisian program-program di bawah STANDCO Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi yang mana kita adakan projek dataran niaga “SMART Selangor” yang kita wujudkan satu daerah, satu dataran niaga setiap daerah sebagai contoh yang telah berjalan pada masa ini adalah dataran niaga di Daerah Gombak yang berada di Rawang. Tujuannya adalah untuk membawa peniaga-peniaga atau pun usahawan-usahawan desa yang berniaga di merata tempat ataupun pasar-pasar malam yang mengadakan perniagaan di bahu-bahu jalan dan kita sediakan dataran niaga ini dengan kos lebih kurang RM150,000.00 yang terdiri daripada dataran niaga, petak-petak niaga. Kita juga adakan pentas dan juga bilik air dan juga

keperluan-keperluan untuk peniaga-peniaga ataupun usahawan-usahawan dan juga mereka-mereka yang datang ke dataran niaga ini. Selain daripada itu juga dataran ini untuk jangka panjangnya sebahagian daripada mereka ini juga mengisi inkubator *SMART Selangor* yang kita wujudkan satu *SMART Inkubator* di setiap daerah yang mana buat masa ini sudah ada empat inkubator yang telah diwujudkan di empat daerah dan ianya memberikan kesan yang baik kepada golongan anak-anak muda yang terlibat di dalam program usahawan untuk meningkatkan ekonomi mereka terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker peraturan tetap 24(2) saya mohon mengambil soalan nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : KEDAI MESIN JUDI**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini kedai mesin judi yang berlesen dan anggaran yang tidak berlesen mengikut daerah di Selangor.
- b) Sejauh mana bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk membanteras judi haram di Selangor?
- c) Berapakah bilangan pengusaha judi haram di Selangor yang telah dikenakan tindakan?

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Semenyih dan juga *thank you*. Maklumat daripada pihak Polis Di Raja Malaysia PDRM. Jumlah terkini kedai mesin judi yang berlesen di Negeri Selangor adalah sebanyak 21 unit kedai atau premis. Antara tindakan yang boleh dikenakan di bawah bidang kuasa negeri terhadap pengusaha judi haram adalah 1. seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, 2. Enakmen Hiburan dan tempat-tempat Hiburan 1995 Negeri Selangor, 3. Seksyen 3 Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan

Penjagaan Kesihatan 2007 dan seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan. Akan tetapi pengawalan kedai judi haram yang lebih efektif adalah dengan kerjasama pihak polis untuk mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pencegah Jenayah 1959. Sehubungan dengan itu bilangan penjudi haram yang dikenakan tindakan adalah seperti berikut. Pada tahun 2015 sebanyak 4,541 pengusaha telah dikenakan tindakan penguatkuasaan. Pada tahun 2016 Januari hingga Jun sebanyak 1,293 pengusaha telah dikenakan tindakan penguatkuasaan dan juga seorang pengusaha dikenakan tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat EXCO tadi saya nampak isu berkenaan dengan mesin judi haram ini masih lagi tidak dapat diselesaikan. Menurut Yang Berhormat EXCO kebergantungan kepada pihak polis, pihak keselamatan itu amat tinggi tetapi saya nyatakan sekali lagi di dalam dewan yang mulia ini. Bilakah Kerajaan Negeri mahu memantapkan, mengukuhkan dan meminda enakmen-enakmen yang berhubung kait dengan tempat-tempat hiburan undang-undang kecil PBT dan sebagainya supaya masalah ini dapat diselesaikan bersama dan bukan sahaja kita mengharapkan pihak PDRM. Pihak Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan yang lebih kuat lagi lagi kukuh, terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Dengkil Kerajaan Negeri memang memandang serius tentang isu perkara tentang perjudian haram di Negeri Selangor dan kita sentiasa pihak berkuasa tempatan dan juga pihak polis sentiasa kita mengambil tindakan bersepadu untuk menjalankan tugas kita. Di peringkat negeri juga kita ada menjalankan untuk kita memantapkan undang-undang kecil dan juga memberi beberapa syarat yang tertentu supaya kita dapat mengawal tentang isu perjudian haram seperti tidak salah satu cadangan adalah kita mungkin akan sekiranya didapati bahawa premis tersebut telah dijadikan sebagai satu pusat aktiviti yang haram. Kita mungkin tidak akan memberikan lesen untuk perniagaan selepas penutupan kedai tersebut sebanyak dua hingga tiga tahun akan datang. Itu adalah satu cadangan yang masih dalam kajian kita.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker berkaitan dengan kedai mesin judi bagaimana Kerajaan Negeri memantau dengan mengeluarkan lesen *simulator* oleh PBT sejenis lesen dan berkaitan dengan permainan dan telah disalah

gunakan sebagai mesin perjudian iaitu m. Apakah kerajaan pemantau yang dilakukan oleh kerajaan dan garis panduan tersebut untuk m?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Sekinchan semua permohonan daripada premis atau pun pengusaha akan melalui Jawatankuasa Pelesenan di peringkat PBT dan kita pada masa sekarang kita masih menggunakan lesen di peringkat PBT. Kalau pengusaha itu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT dan jawatankuasa akan kita luluskan.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih Speaker isu judi adalah satu isu yang paling hebat sekarang.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahannya, Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan tambahannya Tuan Speaker, jawapannya tidak berapa sedap saya mendengar kerana premis-premis.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati saya nasihatkan cepat-cepat tanya.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan tambahan ini Speaker, baiklah saya mintalah kalau boleh pihak-pihak EXCO dan pihak Kerajaan Negeri mengambil langkah yang sama seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Bagi menghapuskan judi-judi haram di mesin-mesin slot ini pihak PBTlah yang sebenarnya yang mengambil berat perkara ini kerana dalam kawasan pentadbiran PBT. Jadi kita berharap kalau boleh pihak EXCO menitik beratkan perkara ini bagi membolehkan tidak kedengaran lagi.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Boleh atau tidak Kerajaan Negeri mengikut langkah yang sama seperti Negeri Sembilan untuk mengambil atau membersihkan judi-judi haram ini di dalam kawasan-kawasan PBT. Itu sahaja soalan saya terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker saya rasa bila kita bangkitkan isu judi haram kena ada fakta jangan kata ini hebat dan ini serius tetapi tidak ada fakta. Itu tidak betul tadi saya telah nyatakan fakta pada tahun 2015 bahawa Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak polis telah mengambil tindakan terhadap 4,541 telah diambil bukan tidak ada kerja. Jadi Yang Berhormat kalau ada isu

tertentu boleh bangkitkan kepada saya yang spesifik dan jangan cakap sia-sia sahaja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Selain daripada pihak polis yang bekerjasama dengan, boleh saya tanya soalan. Selain daripada pihak polis bersama dengan pihak berkuasa tempatan adakah syarikat-syarikat utiliti juga bekerjasama sebab pusat-pusat judi ini dia beroperasi secara haram dengan bantuan pihak TNB dan juga bekalan air jadi mereka masih boleh beroperasi?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Taman Medan, kalau kita mengadakan operasi bersepadu dengan pihak polis dan juga PBT tentunya kita akan jemput pihak TNB dan juga SYABAS untuk datang sekali untuk kita potongkan bekalan air dan juga bekalan elektrik di premis yang tertentu. Itu memang kita telah lakukan, terima kasih.

**Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, seperti yang kita maklumkan bahawa judi ini adalah merupakan satu masalah sosial yang akan mengakibatkan banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan manusia akan berlaku. Jadi selain daripada pembanterasannya yang dilakukan oleh kerajaan dan SYABAS beberapa insentif yang dilakukan. Soalan saya adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan atau pun mewujudkan satu terma pendidikan kepada masyarakat bahawa judi itu adalah tidak baik terhadap kehidupan masyarakat.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat, ini di luar tajuklah tentang pendidikan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Speaker, Soalan No. 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK: KREMATORIUM AWAM**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah krematorium awam di seluruh Selangor mengikut setiap PBT.
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan dalam menyelenggarakan dan membaik pulih krematorium-krematorium tersebut?
- c) Nyatakan perbadanan atau organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan sewaan setiap krematorium tersebut.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Kinrara jumlah krematorium awam di seluruh Negeri Selangor mengikut PBT adalah di MPPJ – 4, MPSJ – 1, MPK – 1. Maka jumlahnya 6 manakala krematorium swasta mengikut PBT adalah di MBSA – 2 dan di Majlis Daerah Hulu Selangor – 3 jumlahnya 5. Bagi tahun 2016 sejumlah RM280,000.00 diperuntukkan melalui akaun amanah perkuburan untuk menyelenggarakan dan membaik pulih krematorium-krematorium awam. Di mana MPPJ menerima RM180,000.00 dan MPSJ menerima RM100,000.00 bagi tahun 2016. Bagi krematorium-krematorium awam pengurusan adalah di bawah PBT masing-masing manakala krematorium-krematorium swasta diurus oleh badan-badan yang dilantik sebelum diberikut: Krematorium Serendah Hindu badan penyeliaan adalah Kuil Sri Vinayagar Temple, krematorium Kuala Kubu Bharu Hindu badan penyelia Sri City Srithivinagayar Temple, krematorium Kuala Kubu Bharu Sikh badan penyelia Gudwara Sahib Kuala Kubu Baharu, krematorium Seksyen 21 Shah Alam badan penyelia adalah Syarikat Tuan Nirvana Memorial Park Shah Alam, krematorium Seksyen U14 Shah Alam badan penyelia adalah Syarikat Tetuan Twin Velley Holding Sdn. Bhd.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ada tak kerajaan ada perancangan untuk menambahkan krematorium awam di PBT-PBT yang belum wujud lagi? Sebab saya nampaknya cuma ditumpu di kawasan bandar tetapi seperti contoh di kawasan Rawang dan MPS sebenarnya ada juga permohonan dan permintaan supaya diwujudkan krematorium awam yang boleh diseliakan oleh Pihak PBT.



**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Rawang sebenarnya memang telah pun dibawa dan dibincangkan dalam Jawatankuasa AC baru-baru ini berhubung satu lagi krematorium yang sangat desak di kawasan Kajang. Begitu juga saya difahamkan begitu juga Rawang pun perlukan satu krematorium bagaimanapun ia tertakluk kepada peruntukkan Kerajaan Negeri dan juga melalui akaun amanah perkuburan. Daripada Jawatankuasa AC kita akan lancar dan kita akan juga menasihatkan untuk Kerajaan Negeri untuk membuat krematorium awam ini.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tuan

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(23 DUSUN TUA)**

**TAJUK: ISU PERUMAHAN DAN WABAK DENGGI**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar bahawa wabak denggi banyak dilaporkan berlaku di kawasan apartmen atau taman-taman perumahan bukan di kawasan-kawasan kampung?
- b) Difahamkan Kerajaan telah meluluskan peruntukan khas bagi pencegahan denggi sebanyak RM10K setahun bagi satu DUN?
- c) Jika ia, sila nyatakan kedudukannya pada masa ini?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Dusun Tua, Tuan Speaker Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras dalam membanteras dan mengawal wabak denggi di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti bahawa kawasan bandar dan pinggir bandar adalah kawasan yang banyak dilaporkan berlakunya wabak denggi berbanding di kawasan kampung. Kes denggi juga banyak dilaporkan berlaku terutamanya di kawasan apartmen kos rendah dan kos sederhana rendah serta di taman-taman perumahan. Ini memandangkan kawasan rumah bertingkat mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan merujuk kepada senarai *locality hotspot* bagi minggu Apt ke-29 iaitu minggu berakhir 23 Julai 2016, pecahan mengikut jenis kediaman *hotspot* di Negeri Selangor adalah seperti berikut. Jenis kediaman bertingkat bilangan *hotspot* adalah 39 iaitu 43%, jenis kediaman taman 38 *hotspot* iaitu 43% sementara di kampung adalah sebanyak 8 tempat iaitu 9% dan kawasan industri adalah 3 tempat iaitu 3% dan jumlah keseluruhan adalah

88 *hotspot* untuk minggu Apt ke 29. Ini menunjukkan bahawa kawasan rumah bertingkat dan di kawasan taman adalah kawasan yang banyak menyumbang kepada peningkatan kes denggi di Selangor.

Antara sebab-sebab berlakunya perkara ini ialah kawasan ini adalah kawasan yang padat penduduk dan ini juga mengakibatkan transmisi penyakit yang tinggi di kalangan penduduk. Selain daripada itu, terdapat banyak bekas-bekas ataupun tempat pembiakan aedes yang sesuai serta berpotensi di kawasan yang seperti ini. Juga sikap penduduk yang kurang mengutamakan kebersihan seterusnya tiada JMB di kawasan perumahan berstrata mengakibatkan kurang penglibatan masyarakat setempat bagi membantu PBT dalam kerja-kerja kawalan. Seterusnya terdapat penyewa-penyewa warga asing di kawasan rumah berstrata yang kurang memberikan kerjasama dalam menangani wabak denggi di kawasan mereka. Kerajaan Negeri pada Mei 2016 telah pun membuat tindakan yang mana telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM1,186,500.00 untuk pembersihan sampah pukal bagi rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah kos sederhana rendah di kawasan-kawasan *hotspot* ini. Di samping itu Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk membekalkan tong sampah sebanyak 1000 unit yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1juta kepada kawasan berstrata yang mempunyai masalah sampah. Bagi kawasan kampung juga tidak terkecuali sekiranya vektor atau pun nyamuk aedes ini yang terdedah kepada virus denggi menjangkiti kepada masyarakat kampung. Didapati sikap penduduk yang menyimpan barang-barang lama yang terdedah kepada air hujan adalah salah satu punca tempat pembiakan nyamuk aedes. Untuk jawapan B dan C, mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri yang ke 17/2016 telah diadakan pada 18 Mei 2016 telah meluluskan peruntukan pengagihan sebanyak RM10,000.00 kepada Ahli Dewan Negeri untuk pelaksanaan kawalan denggi di kawasan masing-masing. Antara aktiviti pencegahan kawalan denggi yang ditetapkan adalah menganjurkan program gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran, pembelian barangan pencegahan denggi dan juga inisiatif baru untuk kawalan denggi. Peruntukan tersebut telah pun disalurkan melalui Pejabat Tanah dan Daerah masing-masing. Kerajaan Negeri berharap dengan peruntukan tersebut pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat bersama-sama dalam melaksanakan aktiviti kawalan penularan wabak denggi di kawasan masing-masing dan mengutamakan kawasan yang telah menjadi wabak terlebih dahulu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK: SYARIKAT KONSESI TEMPAT LETAK KERETA**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat, nilai dan tempoh kontrak serta lokasi untuk tempat letak kereta awam yang diswastakan mengikut pecahan PBT.
- b) Mengapakah tempah letak kereta awam hendak diswastakan kepada syarikat konsesi?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengkaji semula perjanjian konsesi yang telah ditandatangani?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang. Kerajaan Negeri meneruskan dasar penswastakan perkhidmatan tempat letak kereta awam pada tahun 1998 kerana ingin membantu PBT mengurangkan kos pengurusan dan penyelenggaraan di samping meningkatkan fasiliti dan kemudahan parkir awam di kawasan PBT. Pelaksanaan sistem kutipan hasil tempat letak kereta bersepadu secara bayar dan peraga di seluruh Selangor telah diswastakan kepada dua syarikat iaitu Syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd dan Syarikat Godell Parking Sdn Bhd berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke10/1998 pada 1 April 1998. Dalam hal ini tiada perjanjian utama ditandatangani oleh pihak syarikat dengan Kerajaan Negeri. Perjanjian hanya ditandatangani antara syarikat dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk tempoh selama 20 tahun dan berakhir pada tahun 2019 dan 2020. Dan saya akan edarkan tentang pecahan syarikat konsesi, nilai dan tempoh kontrak dan lokasi tempat letak kereta kepada Yang Berhormat sebentar lagi segala butirannya. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam. Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Peraturan Tetap 24(2) mengambil soalan 26.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KENAIKAN KADAR PEMERIKSAAN SARINGAN MAMMOGRAM**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor Kerajaan Negeri menaikkan kadar pemeriksaan saringan mamogram?

- b) Adakah Kerajaan Negeri menerima rungutan berkenaan kenaikan kadar tersebut?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri amat prihatin dan sentiasa berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada golongan wanita Selangor melalui Skim Kesihatan Wanita iaitu pemeriksaan saringan mammogram kerana kanser payudara ini adalah pembunuh no. 1 wanita. Berikut adalah beberapa faktor yang menyebabkan Kerajaan Negeri membuat penambahbaikan ke atas kadar pemeriksaan saringan mammogram. Yang pertama, penambahbaikan dari segi kos pemeriksaan mammogram yang dahulunya sebanyak RM90.00 seorang kepada had maksimum sekarang ini kepada RM150.00 seorang setelah mengambil kira kenaikan harga pasaran yang mana tiada lagi pembekal yang sanggup menawarkan harga pemeriksaan saringan serendah RM90.00 dan ia juga mengambil kira pelaksanaan GST. Yang kedua, peserta yang perlu kepada pemeriksaan susulan melalui *ultra sound* atas nasihat doktor yang membuat saringan mammogram tersebut kos pemeriksaan *ultra sound* turut diperuntukkan dengan had maksimum berjumlah RM100.00 kepada peserta tersebut. Yang ketiga, dengan penambahbaikan kadar kos bagi pemeriksaan saringan mammogram ini kepada had maksimum RM150.00 seorang Kerajaan Negeri dapat memperluaskan kemudahan penyediaan perkhidmatan ini kepada golongan wanita dengan menambahkan lagi penyertaan pihak hospital swasta di seluruh Selangor yang dapat menawarkan perkhidmatan mammogram pada harga tersebut dan perkhidmatan ini juga tidak tertakluk dan terhad kepada satu-satu *service provider* sahaja. Ini secara tidak langsung mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan *service provider* yang terpilih dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu logistik dan pergerakan para peserta skim ini ke pusat ataupun *service provider* ini dapat dirancang dengan lebih baik dan teratur. Tujuh pembekal perkhidmatan tersebut adalah yang pertama Majlis Kanser Negara (MAKNA), *National Cancer Society Malaysia* (NCSM), Columbia Asia yang mempunyai lima pusat, BP Health Care yang mempunyai dua Pusat Mammogram, KPJ mempunyai tiga hospital, hospital SALAM dan *Darul Ehsan Medical Centre* (DEMC). Sebagai Kerajaan Negeri yang berkebajikan, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memastikan kebajikan dan keperluan rakyat Selangor khususnya wanita terpelihara dan terjaga terutama dari aspek kesihatan. Dengan kenaikan kadar pemeriksaan saringan mammogram tersebut Kerajaan Negeri berharap agar perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali perkhidmatan adalah yang terbaik kepada rakyat Selangor dan sebenarnya tiada rungutan daripada pihak *service provider* dan juga pihak wanita sendiri malah masing-masing berpuas hati dengan apa yang telah dilaksanakan dengan program saringan mammogram ini. Sekian.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Saya ucapkan syabas dan tahniah atas program pemeriksaan saringan mammogram ini untuk kanser payudara. Tapi saya nak tanya kita telah pun memeriksa banyak wanita di dalam negeri Selangor. Betul?. Ramai. Boleh kita dapatkan statistik nombor yang kita telah buat peperiksaan dan dari segi umur mereka berapa positif di dalam peperiksaan ini dan dengan data yang kita dapat ini satu data yang besar dan kita boleh gunakan data ini untuk mengetahui status kanser payudara di dalam Negeri Selangor dan kita boleh menyumbangkan ini kepada Kementerian Kesihatan untuk mereka tahu dan mereka boleh ambil buat apa-apa juga dengan statistik yang kita ada. Soalan saya adalah bolehkah kita dapatkan statistik peperiksaan wanita. Berapa positif dan apa yang kita telah buat dengan kes-kes positif.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Andalas. Untuk keseluruhan statistik wanita yang telah pun mengikuti skim kesihatan wanita ini ataupun saringan adalah seramai 22,248 orang. Sehingga kini dari tahun 2010 sehingga 2011 sebanyak 140 orang telah dikesan mempunyai kanser payudara mengikut tahap 1, 2 dan 3 dan ada yang dikesan mempunyai di tahap 4. Satu kes telah meninggal dunia kerana kita mereka telah agak terlewat di tahap 4 dan dia telah meninggal dunia. Untuk 2016, sejumlah 1113 wanita telah pun membuat pemeriksaan dan daripada jumlah tersebut seramai 22 orang telah pun dikesan mempunyai kanser payudara mengikut tahap tertentu jadi ini juga amat membimbangkan dan kita sentiasa memantau dan kita menggalakkan lebih ramai lagi wanita di setiap DUN untuk melaksanakan program saringan mammogram ini dan kali ini kita menggalakkan melalui PWP wanita-wanita dalam program wanita untuk menggalakkan wanita keluar mendapatkan saringan mammogram ini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih EXCO boleh kita dapatkan data itu dalam tulisan dan juga saya nak pecahkan kepada umur dan juga keturunan (Cina, India dan Melayu) dan juga dalam kes-kes ini yang penting. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Andalas. Kita akan berikan data tersebut kemudian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong. Tidak hadir. Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no.28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BANTUAN ASNAF LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Agihan serahan kepada rawatan dan perubatan, berapa peratus daripada keseluruhan agihan?
- b) Apakah jenis perubatan yang tinggi agihannya?
- c) Bagaimanakah perancangan sekiranya permohonan melebihi daripada terimaan sumbangan zakat?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Meru bertanyakan berkaitan dengan bantuan asnaf Lembaga Zakat Selangor. Untuk makluman sehingga Jun 2016 Lembaga Zakat Selangor telah mengagihkan zakat sebanyak RM358.3 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM37.9 juta iaitu 11% telah diagihkan untuk tujuan perubatan kepada asnaf, fakir, miskin, muafak dan gharimin. Butirannya adalah seperti berikut. Agihan Perubatan bagi Januari hingga Jun 2016 agihan keseluruhan RM358,268,471 bantuan perubatan RM37,865,229. Bantuan rawatan dialisis merupakan bantuan tertinggi yang disalurkan bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 dengan jumlah agihan sebanyak RM23.7 juta melibatkan seramai 2310 orang pesakit. Sekiranya permohonan bantuan yang diterima tinggi dan melebihi terimaan sumbangan zakat masyarakat harus maklum bahawa tidak boleh mengharapkan kebergantungan kepada Lembaga Zakat semata-mata. Walau bagaimanapun Lembaga Zakat akan memberi keutamaan kepada asnaf fakir dan miskin dan muafak yang merupakan asnaf muqaddam (paling utama). Manakala bagi asnaf selain daripada yang disebutkan mereka boleh memohon bantuan kepada pihak yang berkaitan seperti PERKESO, KWSP, NGO dan mahupun Tabung Bantuan Perubatan Malaysia yang turut menerima sumbangan daripada Lembaga Zakat Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ambil Peraturan Tetap 24(2) untuk ambil soalan 29.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SENI BUDAYA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam pembangunan seni dan budaya setempat di setiap daerah?
- b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan menubuhkan institusi atau akademi kesenian dan kebudayaan?
- c) Adakah rancangan kerajaan dalam pemeliharaan seni dan budaya Orang Asli di Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker dan Andalas. Juga Kajang yang telah bertanyakan soalan berkenaan program pembangunan seni dan budaya di peringkat setempat ataupun di peringkat daerah. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bermula 2015 Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kebudayaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 untuk aktiviti dan program kebudayaan dan kesenian di sepuluh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor. Setiap PBT akan menerima sumbangan sebanyak RM20,000.00 di mana jumlah tersebut diminta atau pun diwajibkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan program-program kesenian dan kebudayaan. Manakala untuk dua lagi majlis yang lain iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam kita peruntukkan sebanyak RM400,000.00 iaitu RM200,000.00 sesuai dengan taraf atau seni yang telah diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan ataupun Daerah yang berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, mulai tahun ini kita mengekalkan jumlah peruntukan yang sama kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan iaitu pada tahun 2016 cumanya pada tahun lepas kita mensyaratkan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan tersebut untuk melaksanakan program kesenian dan kebudayaan. Bezanya tahun ini, RM20,000.00 itu kita minta dipecahkan kepada 2 bahagian iaitu pertamanya untuk program-program kebudayaan seperti persembahan, pelaksanaan program-program kebudayaan dan yang keduanya RM10,000.00 lagi peruntukkan untuk program-program pembangunan.

Pembangunan bererti mengenal pasti kumpulan-kumpulan kecil yang boleh diberikan manfaat atau pun diberikan bantuan supaya mereka boleh terkedepan di peringkat yang lebih tinggi mahupun di peringkat antarabangsa supaya kumpulan-kumpulan ini dapat dinaiktarafkan di pelbagai lapisan dan tidak mengira kaum dan budaya. Maknanya kalau ada kesenian India yang kecil, kumpulan tarian India sebagai contoh atau pun kumpulan Melayu di Sabak Bernam, kumpulan-kumpulan ini boleh dikenal pasti oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang biasanya mempunyai kebudayaan untuk dinaiktarafkan dijadikan sebagai anak angkat untuk dipertingkatkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, perkara yang kedua Jawatankuasa Tetap Kebudayaan memang beranggapan bahawa sudah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri menubuhkan satu agensi atau pun Badan yang mengawal selia program-program kebudayaan di peringkat negeri mahupun di peringkat-peringkat daerah. Sayugia mendukacitakan maklumkan sehingga kini kita belum ada satu agensi khas untuk mengawal selia program-program kebudayaan sebagaimana yang ada di Sarawak sebagai contoh atau pun yang berada di Negeri Johor seperti Yayasan Warisan Johor. Kita pernah mengeluarkan *proposal* ini dan ianya masih lagi di peringkat permulaan dan kita sedang berbincang dengan pihak BPSM atau pun Bahagian Pengurusan Sumber Manusia kerana kita ingin mendapat maklumat tanggungan dan bebanan yang terpaksa ditanggung jika mewujudkan agensi-agensi ini. Sebelum ini sebelum tahun 2008, program-program kebudayaan biasanya memang kita menggunakan Jabatan Kebudayaan Negara atau JKKN. Namun begitu saya kira sesuai dengan apa yang kita pernah laksanakan dalam program belia kita wujudkan PBT, agensi pembangunan belia di peringkat MSN sebagai contoh yang dikawal selia oleh pihak negeri sendiri, saya rasa sudah sampai masanya untuk kita tubuhkan dan malangnya kita belum mampu menubuhkan walaupun kita telah melaksanakan program-program kita.

Soalan C, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta ...

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves, tolong ringkaskan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Untuk Projek Kebudayaan Selangor atau pun Selangor *Culture Map*. Projek tersebut dijalankan dengan kerjasama Pusat Kajian dan Dokumentasi Pementasan Transnasional Pusaka buat pertama kalinya untuk mendokumentasikan secara komprehensif dalam bentuk visual. Juga dalam bentuk ilmiah, kebudayaan Orang Asal dari kaum Mah Meri di Pulau Carey dan juga menghantar Temuan dan masyarakat Temuan. Pihak Pusaka juga merancang untuk menghantar hasil dokumentasi daripada projek ini ke *Smithsonian Centre For Folklife And Culture Heritage* di Washington DC yang merupakan sebuah institusi kebudayaan yang amat disegani di peringkat antarabangsa. Ini dinyatakan dengan jelas oleh pihak kerajaan malahan disebutkan dengan jelas oleh Yang Amat



Berhormat Menteri Besar ketika membentangkan Belanjawan Tahun 2016, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**YB. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK HORAS**

30. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan secara terperinci status terkini Projek HORAS?
- b) Apakah faktor yang menyebabkan pelaksanaan HORAS tergendala?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih pada Kota Damansara yang bertanya Tuan Speaker. Awalnya saya ingin menafikan melihat pada soalan ini berkenaan dengan soalan faktor pelaksanaan HORAS tergendala atau pun difahami sebagai mungkin terbengkalai. Jadi ia dinafikan kalau kita melihat kepada Sungai Selangor, di sana ada 5 loji rawatan air yang mengambil air dari *river base flow* daripada Sungai Selangor yang datangnya daripada antaranya Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi. Di mana kelima-lima loji ini memerlukan 3 juta liter air sehari. Dan kalau kita lihat bagaimana dalam keadaan Kerajaan Negeri menghadapi musim kemarau baru-baru ini yang menyebabkan banyak di kalangan negeri-negeri di Utara dan Selatan yang terpaksa melakukan catuan air dan sebagainya. Dan Alhamdulillah dengan izin Allah, Kerajaan Negeri Selangor berjaya mengatasi krisis atau pun musim kering *El-Nino* ini. Antara faktor penyebab mengapa kita mampu untuk menangani permasalahan musim kering ini adalah kerana adanya projek HORAS 600 bersama dengan kolam-kolam takungan di sekitarnya yang mampu mengeluarkan air ke sungai sehingga mencecah 800 juta liter air sehari.

Maka HORAS 600 telah pun berperanan dan telah pun membuktikan kejayaannya dan memberikan impak yang besar kepada Kerajaan Negeri mengatasi musim kering pada awal tahun ini. Menjawab soalan supaya diberikan maklumat terperinci berkenaan dengan projek HORAS seperti mana yang kita sedia maklum, HORAS 600 dibangunkan di kawasan bekas lombong di Kg Sungai Darah Bestari Jaya, membekal dan menyalurkan air mentah tambahan. *Targetnya* 300 juta liter air sehari bagi tujuan menambah kapasiti *overloading* Loji Rawatan Air SSP 1 & SSP 3.

Walaupun kapasiti maksimumnya boleh mengeluarkan sehingga 600 juta liter air sehari. Komponen kerja utama yang akan dibangunkan bagi tujuan melaksanakan HORAS ini ada tiga. Yang pertama pembinaan Kolam Utama dengan kapasiti 30 MCM berkemampuan *sustainability* untuk membekalkan jumlah kapasiti air mentah tambahan sebanyak 600 juta liter air sehari. Yang kedua, pembinaan Kolam Hang Tuah sebagai muka sauk atau pun *intake point* dan kolam penapis *filter pond* dan yang ketiga rumah pam dengan kapasiti dengan pengepaman 300 juta liter air sehari untuk keperluan *overloading* SSP 1 & SSP 3. Terdapat dua fasa pembangunan bagi melaksanakan ketiga-tiga komponen kerja ini. Fasa yang pertama dibahagikan kepada 3 pakej. Pakej yang pertama adalah pengorekan Kolam Utama oleh KSSB (Kumpulan Semesta Sdn Bhd).

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik KSSB untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan Kolam Takungan. Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB dan kerja-kerja pengorekan ini telah bermula semenjak 15 Mac 2014. Dalam melaksanakan kerja-kerja pengorekan Kolam Utama di bawah Pakej 1 ini, pihak KSSB telah membahagikan kepada 3 seksyen atau pun 3 kawasan. Seksyen yang pertama melibatkan kawasan seluas 48 hektar. Kerja-kerja pengorekan hingga mencapai paras kedalaman antara -13 meter hingga -15 meter telah siap sepenuhnya. Dan hasil daripada Seksyen 1 inilah kita menikmati air daripada HORAS 600 yang sedang dijalankan. Bagi Seksyen 2, melibatkan kawasan rumah pam. Kerja-kerja pengorekan dijangka siap pada akhir Ogos 2016 bulan ini. Dan Seksyen 3 pula mencapai 30% dan perlu disiapkan sepenuhnya pada Disember 2017. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teratai

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan ke-31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : HAK MILIK BARU DIKELUARKAN UNTUK PROJEK SAKIT ATAU  
PUN PROJEK TERBENGKALAI**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah polisi Kerajaan Negeri untuk menjaga kepentingan pembeli rumah projek sakit / terbengkalai?

- b) Berapakah hak milik baru (*new title/geran*) telah dikeluarkan untuk projek sakit / projek terbengkalai sehingga masa kini?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh salam sejahtera, Bismillahi Rahmani Rahim* terima kasih kepada Teratai. Untuk makluman Yang Berhormat, polisi Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor atau LPHS adalah untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara atau pun *facilitated* dengan izin bagi mengatasi masalah berkaitan. Antara polisi Kerajaan Negeri melalui LPHS ke atas projek terbengkalai adalah:

1. Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli perlu diperoleh terlebih dahulu.
2. LPHS berperanan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.
3. LPHS juga mengadakan perbincangan dengan *pelikuidasi* atau pun *liquidator* dengan izin terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
4. LPHS turut mengadakan perbincangan di antara *pelikuidasi liquidator* bersama semua jabatan teknikal seperti Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan seterusnya pihak SYABAS, TNB, IWK dan agensi-agensi yang berkaitan termasuk pihak bank juga dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minimum bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
5. Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
6. Sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukan khas projek pemulihan ini.

7. Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada saya sendiri, YB. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah PTG, Pentadbir Tanah berkaitan telah bermesyuarat beberapa kali untuk memastikan ianya dapat menyelesaikan masalah-masalah projek perumahan terbengkalai ini.
8. Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 atau pun Akta 118 dan Peraturan Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1989.
9. LPHS juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara.

Keseluruhannya setakat ini, daripada Mac 2008 sehingga 30 Jun 2016, sebanyak 64 projek perumahan terbengkalai, projek terbengkalai telah diselesaikan, 64 projek yang merangkumi 29,811 unit. Ini merangkumi 39 projek berlesen dan 29 projek dan 25 projek tanpa lesen. Untuk soalan seterusnya tentang berapa hak milik baru atau pun *new title* atau pun geran, telah dikeluarkan untuk projek sakit atau pun projek terbengkalai sehingga masa kini. Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan hak milik baru kepada projek-projek tersebut sebab projek tersebut adalah di bawah pegangan swasta dan kalau yang berlaku hanyalah pemindahan hak milik daripada pemaju yang asal kepada pemaju penyelamat, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PUNGUTAN SAMPAH**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah syarikat konsesi pungutan sampah di Selangor dan nyatakan kawasan perkhidmatan masing-masing?
- b) Berapa banyak sampahkan yang dipungut dalam sehari mengikut kawasan PBT?
- c) Apakah perancangan kerajaan bagi mengurangkan masalah sampah di Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Tanjung Sepat. Jumlah syarikat kutipan sampah pungutan sampah yang dilantik oleh PBT Negeri Selangor setakat bulan Jun hingga Julai 2016, 273 dan butiran saya akan edarkan kepada Yang Berhormat sebentar lagi. Dan juga jumlah sampah yang dipungut dalam masa sehari di semua PBT adalah sebanyak 4,254.15 tan untuk seluruh Selangor. Pecahan saya juga akan pecahan di peringkat PBT saya juga akan beri Yang Berhormat sebentar nanti. Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis sekitar semula dilaksanakan bagi kajian pengasingan sampah. Isi rumah di empat PBT pada bulan Disember 2015 yang dilaksanakan secara kerjasama dengan Tetuan P.E. Research Sdn Bhd dan seterusnya Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah memutuskan MBSA, MBPJ dan MBSJ untuk kerjasama dengan P.E. Research bagi merancang dan merangka pelan tindakan kitar semula dan pengurangan sisa pepejal di punca di mana perkara ini dijangka akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri pada hujung tahun 2016, terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif untuk membantu mengurangkan pembuangan sampah secara berleluasa khususnya di kawasan-kawasan pinggir bandar dan juga kawasan-kawasan desa sebab mutakhir ini kita lihat fenomena berkaitan dengan pembuangan sampah, longgokan sampah di kawasan-kawasan pinggir bandar atau pun kawasan desa yang akhirnya kawasan-kawasan tersebut mengundang masalah kesihatan dan juga masalah alam sekitar yang kurang menyenangkan. Adakah inisiatif daripada Kerajaan Negeri untuk membantu mengurangkan masalah ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat tentang isu pungutan sampah di kawasan kampung dan pinggiran bandar. Beberapa langkah yang kita telah ambil dan salah satu adalah kita telah mengedarkan tong sampah percuma kepada PBT masing-masing dan kita harapkan bahawa PBT akan mengedarkan tong sampah tersebut kepada kawasan yang diperlukan ini. Yang

kedua tentang isu sampah yang dibuang oleh penduduk di kawasan di pinggir bandar. Biasanya mereka atau pun rumah di kampung dia tak ada satu pelan yang direka untuk yang tersusun, yang tersusun manakala kampung dia rumah mereka terletak di merata tempat, tak ada satu *design* yang *proper* dengan izin, itu sebab cara yang dilaksanakan oleh PBT yang kita Kerajaan Negeri telah memberi arahan kepada PBT supaya mereka, supaya PBT menghantarkan tong sampah yang besar yang diletak di kawasan yang sesuai supaya penduduk kampung boleh membuang sampah ke dalam tong sampah yang besar. Dan PBT akan melantik kontraktor untuk membuat kutipan. Pada masa kini bukan semua PBT telah melaksanakan tetapi Kerajaan Negeri juga akan memberikan peruntukan yang sesuai jikalau PBT tersebut memohon kepada Kerajaan Negeri untuk menyediakan tong sampah yang besar tersebut.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, masalah sampah ini masih begitu serius walaupun sudah terdapat kemajuan yang positif dalam kutipan sampah. Ini kerana dan malangnya di kawasan walaupun sampah dibuang dalam tong sampah, tapi sampah juga dibuang ke dalam parit-parit yang menyebabkan begitu banyak orang kata, timbunan sampah dan lebih buruk lagi sampah-sampah ini menyebabkan bau atau pun bau busuk disebabkan oleh kekotoran bau. Soalan saya ialah siapakah yang bertanggungjawab untuk mengutip sampah ini dan adakah perancangan serta langkah-langkah secara berjadual untuk mengutip sampah-sampah di kawasan longkang-longkang yang banyak kita perhatikan ini. Kalau boleh kita lihat di kawasan-kawasan, banyak kedai ada longkang, longkang itu tidak ditutup, biasanya di sinilah tempat-tempat banyak sampah-sampah di longgokan.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya?

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS:** Itu soalannya, pertama soalannya ialah siapakah yang bertanggungjawab untuk apa untuk mengutip sampah ini dan langkah-langkah tindakan secara berkala. Jangan tunggu JPS datang sekali, atau pun masa-masa banjir, dihanyutkan oleh air kita hendak ada perancangan dan tindakan yang berkala macam kutipan sampah yang biasa.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Sungai Burong. Saya tidak menafikan bahawa ada isu sampah seperti apa yang dinyatakan oleh Sungai Burong tadi. Tapi ini bukan berlaku di semua tempat, ia berlaku di tempat-tempat yang tertentu. Mungkin di kawasan Sungai Burong ada tempat yang memang serius dan boleh sampai kepada saya dan saya akan mengarahkan kepada PBT yang berkaitan supaya membersihkan tapi semua di peringkat kawasan operasi ya

kawasan operasi PBT memang PBT telah melantik kontraktor untuk pembersihan dan juga kutipan sampah domestik. Tapi manakala untuk kawasan operasi di bawah jagaan JKR dan juga JPS itu memang ada jadual yang masing-masing. Itu bukan di bawah bidang kuasa PBT itu sebab saya rasa Yang Berhormat perlu faham bahawa bidang kuasa di antara JKR, JPS dan juga PBT, tapi kebanyakannya jikalau aduan yang diterima oleh PBT walaupun kawasan itu di bawah JPS atau pun JKR memang PBT sedia membantu dan juga banyak kita lakukan.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tak berapa puas hati dengan penjelasan ini kerana perkara ini kita boleh nampak hari-hari siapa pergi kalau kawasan bandarlah ini kawasan PBT. Cuma yang ....

**TUAN SPEAKER:** Mungkin Sungai Burong boleh bagi lokasi spesifik kepada Seri Kembangan nanti ya.

**Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini mana-mana boleh, ini yang saya kata isu ini sudah dasar bukannya isu katalah aduan dan sebagainya. Saya percaya kalau Yang Berhormat EXCO sendiri pergi turun lihatlah ya, kawasan-kawasan di mana kedai longkang mesti ada sampah. Dan sekarang ini saya memang setuju sampah ini dikutip secara berjadual untuk sampah-sampah domestik ya, tetapi malangnya ya, ini sampah yang dikata di bawah Jabatan lain, di bawah JPS atau longkang-longkang Perbandaran. Ini yang belum ada secara berjadual, jadi yang diminta dasar ini dikaji dan kalau boleh dilaksanakan, terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Baik Sungai Burong saya terima.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya bertanya kepada EXCO adakah Kerajaan Negeri boleh menambah baikkan cara pengutipan sampah yang berperingkat. Mana dia ada tempat yang terlalu kecil jadi lori sampah yang besar seperti *compactor* dan sebagainya tak boleh masuk. Jadi dia menggunakan lori 1 tan kemudian dia longgokkan pada satu tempat, jadi saya mohon kepada Kerajaan Negeri soalan pada Kerajaan Negeri, boleh tak Kerajaan Negeri memastikan tempat longgokkan sampah sementara itu dibuat secara tertutup supaya beberapa jam sebelum *compactor* atau pun lori besar itu mengangkut ke Jeram dan lalat, dan anjing dan kucing dan sebagai-sebagainya semua ada di situ monyet, jadi itu soalan saya kepada Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker terima kasih cadangan daripada Selat Kelang. Ini memang berlaku ini memang kita telah laksanakan di kawasan MPK di mana kawasan kampung kita perlu beberapa *compactor* perlu

masuk ke kampung dengan lori yang lebih kecil dan mereka akan mengadakan satu mini *transfer station* yang berhampiran dengan kawasan kampung dan lepas habis kutipan sampah daripada kawasan kampung tersebut dan lori yang lebih besar akan mengangkat tong yang besar baru mereka hantar ke dalam tapak pelupusan sampah. Tutup boleh saya sampaikan cadangan ini kepada KEDB Sdn Bhd.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker soalan No. 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan pecahan mengikut kaum dan DUN, penerima Insentif Perkahwinan Belia seluruh negeri hingga kini.
- b) Butirkan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada mereka yang layak mengikut DUN di seluruh negeri hingga kini.
- c) Berapa lamakah proses sehingga pemohon menerima bayaran insentif?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Seri Andalas. Saya mohon izin untuk meminta sedikit masa tambahan sekitar 7 minit untuk menjawab soalan sebab saya akan menjawab soalan 33 bersekali dengan soalan No. 61 Kuala Kubu Baharu dan juga 79 dari Hulu Kelang sebab soalan-soalannya berkenaan dalam lingkungan dan perkara yang sama. Untuk perkara a, perkara ini ditanyakan oleh ketiga-tiga Ahli Dewan Negeri, seramai 4,041 orang penerima Insentif Perkahwinan Belia di kalangan umat Islam telah menerima permohonan dan diluluskan permohonan mereka pada tahun 2013 dan 1,911 menjumlahkan keseluruhan 5,952 orang telah menerima insentif ini pada tahun 2013. Dan kita telah menggunakan peruntukan sejumlah RM1.19 juta. Tahun 2014 seramai 4,010 orang di kalangan orang-orang Islam telah menerima Insentif Perkahwinan Belia dan 2,441 orang telah menerima di kalangan bukan Islam menjumlahkan sebanyak 6,451 dan kita telah menggunakan peruntukan sebanyak RM3.225 juta. Tahun 2015 seramai 4,862 penerima-penerima di kalangan mereka yang beragama Islam dan seramai 2,693 di kalangan bukan beragama Islam telah menerima permohonan ini menjumlahkan sebanyak 7,555 orang penerima-penerima di kalangan belia Negeri Selangor di bawah 35 tahun kahwin kali pertama dengan jumlah kos yang kita berikan adalah sebanyak RM3.7 juta. Sehingga April 2016, seramai 3,802 orang penerima-penerima di kalangan mereka yang beragama Islam telah menerima sumbangan ini dan yang bukan



beragama Islam telah menerima sebanyak 2,378 dan jumlahnya adalah sebanyak 6,180 orang dengan peruntukan sebanyak RM3.09 juta. Dan secara asasnya dengan peningkatan seperti ini kita menunjukkan kesedaran yang semakin tinggi di kalangan belia-belia untuk memohon permohonan ini.

Untuk jawapan yang lebih terperinci saya akan berikan kepada ketiga-tiga Ahli Dewan sebab setakat ini kita hanya dapat data daripada menerima yang menerima Tabung Haji iaitu mereka yang menerima akaun, menerima sumbangan itu melalui akaun Tabung Haji iaitu di kalangan mereka-mereka yang beragama Islam dan BSN kepada mereka bukan beragama Islam. Nanti UPEN sedang menyediakan mengikut kaum sebagaimana yang dipohon oleh ketiga-tiga Ahli Dewan. Untuk soalan seterusnya iaitu berkenaan dengan statistik ini soalan yang ditanyakan oleh Hulu Kelang. Statistik jumlah belia yang berkahwin di Negeri Selangor pada tahun 2012 sebanyak 35,359 orang di kalangan golongan muda telah berkahwin yakni mereka ini berumur bawah 40 tahun. Dan 17,706 adalah lelaki 17,653 adalah perempuan. Ini daripada maklumat JAIS ya. 35,286 pada tahun 2013 tadi tahun 2012 ya, 35,359 2013 35,286, 2014 37,654 dan tahun 2015 berkurang jumlah mereka yang berkahwin kepada 26,116 mungkin disebabkan GST.

Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, ada pertanyaan daripada Andalas ya, iaitu seterusnya mengikut pusat-pusat, mengikut Dewan-dewan Undangan Negeri atau pun mengikut kawasan Dewan Negeri penerima-penerima jumlahnya, jumlahnya terlalu banyak kalau saya jawab ternyata saya tak sempat masa tapi saya berikan yang Andalas dulu, yang lain saya akan berikan pada Andalas. Pada tahun 2013 sebanyak 93 orang telah menerima di Andalas di kalangan mereka yang beragama Islam, 89 pada tahun 2014 yang beragama Islam, tahun 2015 sebanyak 250 orang dan setakat April sebanyak 56 orang daripada DUN Seri Andalas. Manakala penerima yang bukan Islam adalah sebanyak 40 orang 2013, 46 orang 2014, 180 orang 2015 dan 102 orang pada tahun 2016. Jumlah dia banyak kalau saya bacakan satu persatu saya rasa kita tidak akan mampu untuk menjawabnya.

Baik untuk soalan yang seterusnya adalah berkenaan dengan *efficiency* atau pun pelaksanaan program ini yang saya percaya semua menyokongnya dengan baik. Cuma bagaimana proses pelaksanaannya. Kerajaan Negeri telah menambah baik pengurusan sedia ada di mana tempoh 6 bulan yang diperlukan untuk kelulusan sebelum ini telah dipercepatkan kepada 3 hingga 4 bulan. Tempoh tersebut diperlukan memandangkan borang permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri setiap hari adalah sebanyak 150 permohonan. Seterusnya semakan perlu dibuat ke atas permohonan tersebut melalui sistem *online* bagi menentukan sama ada permohonan tersebut diluluskan atau pun ditolak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan serta dokumen-dokumen yang diperlukan telah dikemukakan bersama dengan borang-borang permohonan. Seterusnya pihak pemohon juga telah diluluskan yang telah diluluskan perlu menghantar kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk mendapatkan kelulusan peruntukan dan seterusnya dipanjangkan

kepada Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional untuk tujuan penyaluran insentif tersebut. Walau bagaimanapun, proses penyaluran di Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional akan mengambil masa tempoh sebulan untuk disalurkan kepada pemegang-pemegang akaun Tabung Haji dan penyediaan Sijil Bank Simpanan Nasional. Maknanya proses yang digunakan yang diperlukan oleh Unit Pihak Perancang Ekonomi sekitar dalam satu bulan setengah sehingga dua bulan. Mana kala satu bulan lagi itu terletak pada urusan bank dan itu menyebabkan kita terpaksa mengambil paling kurang tiga bulan untuk pelaksanaan program dan penyaluran insentif ini yang saya percaya saya mendapat beberapa kritikan atau pun beberapa teguran daripada pihak-pihak tertentu dalam negeri kita, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak tahu mengapa Insentif Perkahwinan ini kena dibahagikan kepada Islam dan bukan Islam. Bukan sekali gus kan, tak payah dibahagikan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Saya menjawab itu sebab kita mempunyai data untuk membentangkan berdasarkan kaum. Saya ditanyakan oleh Andalas bagaimana pecahan kaum dan kita ada pecahan ikut Islam dan bukan Islam. Kenapa kita ikut pecahan Islam dan bukan Islam sebab bagi yang Muslim kita salurkan melalui Tabung Haji. Saya rasa *spirit* dan semangat yang cuba diterapkan ialah semangat menabung dan untuk Islam kita letakkan di Tabung Haji kerana ia sebagai satu daripada galakan kepada mereka untuk pergi ke Mekah ataupun ke Haji dengan sumbangan RM500.00 daripada Kerajaan Negeri kalau mereka nak keluarkan pun tak ada masalah. Tapi penerimanya sama jumlahnya sama, prosedurnya sama. Cuma disalurkan mengikut wadah yang berbeza. Tabung Haji dan BSN. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. USUL**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan usul No. 11 Tahun 2016 Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, semua kakitangan, Ahli Dewan Negeri, para pemerhati yang saya muliakan. Salam Bersih dan saya teruskan

perbahasan saya yang membawa Usul No. 10 yang berkaitan dengan menggesa Kerajaan Negeri, menyeru Kerajaan Negeri membuat satu ketetapan, satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk menyemak dan menambahbaikkan semua Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) demi meningkatkan kecekapan dan kebajikan rakyat Negeri Selangor. Seperti yang kita semua sedia maklum, apa yang ingin saya nyatakan pada hari semalam di mana banyak program telah kerajaan laksanakan ya, sebanyak 21 program telah kerajaan laksanakan untuk Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor sejak 2008. Sejak 8 tahun lalu sebanyak angka yang saya ada beberapa program yang telah kita laksanakan, dan semalam saya sampai di peringkat insentif perkahwinan, Insentif Perkahwinan Belia di mana anak-anak muda yang umur 35, Kerajaan Negeri prihatin bawah 35 mereka sudah sampai masanya, sampai masanya untuk mendirikan rumah tangga dan memandangkan ekonomi yang tidak menentu dan kos saraan hidup yang tinggi Tuan Speaker, ya, kos saraan hidup yang tinggi akibat kenaikan harga barangan dan puncanya adalah tindak-tanduk Kerajaan Persekutuan yang mengenakan GST ni punca yang salah satu puncalah telah menyebabkan para belia juga dalam keadaan tertekan, tertekan maka Kerajaan Negeri bagi Insentif Perkahwinan sebanyak RM500.00 bagi warga Negeri Selangor. Kalau dua-dua calon itu, lelaki dan perempuan semua daripada Negeri Selangor, maknanya mereka akan menerima ya, RM1000.00. Ini Kota Damansara ya, RM1000.00 mereka akan menerima, kalau anak kita lah termasuk anak Kota Damansara, kalau esok nak kahwin dan sebagainya, jemput tak jemput saya, tak mengapa. Ya,

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Anak belum kahwin.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Anak belum kahwin, itu, haa.. ialah, kalau anak belum kahwin dia boleh mohon, boleh mohon insentif perkahwinan belia lah. Maksud saya ialah ya, itu maksud saya. Jadi (ketawa), senyum pula, alamak. Jadi, dia tak kira lah daripada UMNO pun, ya, kita bagi insentif perkahwinan belia. Daripada DAP pun kita bagi, PAS, Amanah, seluruhnya. Ini lah keadaan suasana di negeri Selangor yang meraikan kepelbagaian tanpa mengira warna kulit dan fahaman politik. Lain kalau dulu zaman Barisan Nasional, itulah yang saya nak sebutkan beberapa kali saya tekankan di dewan yang mulia ini. Zaman jahiliah dulu, memang susah sebab mereka memilih bulu. Memilih bulu, ini yang kita tak nak. Jadi, kita dah, rakyat Selangor kita ucapkan tahniah kepada rakyat negeri Selangor kerana telah berjaya ya, bebaskan diri daripada belenggu zaman jahiliah. Tahniah dan semoga kita terus dapat diberi mandat oleh, kepada kerajaan yang baru di bawah pimpinan Bukit Antarabangsa. Kota Damansara nak mohon Insentif Perkahwinan Belia. (Ahli dewan ketawa).

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sekinchan, cakap jangan sebarang cakap. Cakap melulu-lulu tak buat kajian semalam, kata Sungai Panjang kan, tak buat *homework*. Kesian lah. Saya ada bukti bahawa ada di antara insentif

tidak diberi *just* kerana pemohon itu merupakan ahli UMNO. Ada bukti. Saya boleh bagi bukti itu kat *you*. So, cakap jangan sebarang cakap.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Kota Damansara tadi saya ingat dia nak mohon Insentif Perkahwinan Belia. Soal wang tak dapat, UMNO tak dapat. Kalau ada (bahasa Jawa), dengan izin, kalau ada, bagi tahu pihak EXCO. Sebab saya bukan EXCO. Bagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dia *sign* lulus sekarang juga. (Bahasa Jawa). Tengok, dia dah janji, tengok, kerajaan baru. Kerajaan Negeri Selangor, kita meningkatkan kecekapan *on the spot sign*. Haaa..tengok. Ya, jadi tak ada masalah lah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ooo, ada juga masalah lagi. Silakan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Bukan masalah. Dah jolok baru nak jatuh, buat apa?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak apa lah. Kadang-kadang, sekali-skala jolok bagus juga lah. Memadailah. Tak apa. Maksudnya, haa .. kena jolok. Kalau masak dia jatuh sendiri. Gugur sendiri ya. Jadi, tak apa. Masalah selesai, dewan negeri Selangor kita terbuka. Ada masalah, kita bangkitkan kemudian diselesaikan *on the spot*. Jawapan terus dapat. Mana dapat? Kalau di Parlimen, huh, susah. Lain. Perbezaan ini cukup ketara lah ya. Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, tukar pula lah ya. Jadi, Insentif Perkahwinan ini, sangat-sangat dialu-alukan oleh para belia kerana emas hantaran kahwin pun mahal sekarang ya. Ada yang RM5,000.00, ada yang RM3,000.00, ada yang RM10,000.00, mengikut keadaan. Ha, inilah contohnya dan bagi Sungai Panjang ya, haa..dia kalau nak mohon insentif perkahwinan pun boleh juga. Kita *open*. Kategori nya bawah 35 tahun. Bawah 35 tahun (ketawa) kalau Sg. Panjang rasa dia rambut panjang dengan Sg. Panjangnya, boleh dapat lah ya. Tapi kategori, rambut panjang dalam kategori tak ada. Tidak dipertimbangkan (ketawa).

Seterusnya, saya teruskan dengan insentif-insentif yang lain. Insentif Perkahwinan sekarang ini kita dah peruntukan sebanyak..saya *check* balik berapa..insentif perkahwinan itu oleh sebab terlalu banyak 21, haa.. 21 nak cari, bukan main. Oo, panjang lebar, 1, 2 Hadiah Masuk Universiti. Banyak..nak, saya nak bagi senarai ya, tak apa, oleh sebab terlalu banyak, saya bagi hadiah masuk Universiti. Hadiah masuk Universiti, IPT. Anak-anak Selangor ni cukup bertuah. Kita bagi hadiah masuk Universiti sejak 2008 hingga sekarang kita bagi hadiah setiap belia yang mendapat tawaran masuk Universiti kita akan bagi RM1,000.00. Ini saya rasa Kota Damansara, dia tidak akan pertikaikan lah ya. Tak ada soal UMNO tak dapat. Ha, semua dapat. Semua dapat. Kita santuni UMNO. Kita santuni UMNO sebab ramai yang tinggalkan UMNO, 1500. 2 hari lalu di Sabah, di Tenun, dia tinggalkan UMNO

tapi tak apa, kalau dia tinggalkan Sekinchan akan santuni mereka. Kerajaan Negeri santuni mereka, bagi kalau ada yang belia nak bagi, masuk universiti kita bagi RM1,000.00.

Sekarang, dan kemudiannya pusat tuisyen bayar. Kesemuanya lah, saya ringkaskanlah, terlalu banyak. Sampai rakyat tak ingat berapa, program apa yang kerajaan nak bagi. Dia tak ingat. Dia tau banyak. Ini lah kerajaan yang terdiri daripada semua yang ada di sini. Yang saya nak bagi tau sekarang jumlah RM1,760,199,348.78. RM1.7 bilion sudah dibelanjakan. Bayangkan. Berapa, lebih daripada, kalau dulu sebelum 2008, saya tak nampak angka sedemikian untuk dipulang balik kepada rakyat. Maksudnya, hasil masuk negeri Selangor ni yang kaya kita urus tadbir di bawah pimpinan dan amanah, berintegriti, tak rasuah jadi kita boleh jaga dengan baik. Akhirnya, boleh pulangkan, ya, merakyatkan ekonomi dan hasil negeri untuk rakyat. Beza dengan diperintah persekutuan. Rakyat disiksa sekarang. Kalau dulu, zaman, zaman Mahathir, zaman Tun Razak, zaman Tunku Abdul Rahman, zaman Tun Hussein Onn, Tuan Timbalan Speaker, ya, rakyat tidak dibelenggui dengan cukai-cukai yang tidak sepatutnya seperti GST. Gasak sampai tumbang. Tetapi, sekarang zaman Malaysia *No. 1 officio, officio No 1* ni, zaman sekarang ini, kita dibelenggui dengan GST. 6% saban hari, (bahasa Jawa). Ini dia 6%. Kalau kita urus tadbir dengan baik, 6% tu tak perlu. Tak perlu haa.. Rakyat di kampung sekarang pun dah sedar. Beransur-ansur dia sedar. Kenapa perlu tukar kerajaan yang korup ini. Ya, yang .. buat ketirisan rugikan duit rakyat menyebabkan kita dikenakan GST tapi Kerajaan Negeri Selangor, kita lain. Mereka bebankan rakyat susahkan rakyat, tekan rakyat, Barisan Nasional, tapi di peringkat kita..

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ingin mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, kita jaga..

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kita santuni..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan. Sg. Air Tawar minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sg. Air Tawar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sg. Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Bahawa baru-baru ini kita ada pilihan raya di Sg. Besar. Kalau mereka ni sedar tentang GST, kalau ini menyeksa, menzalimi, sudah tentu mereka akan berpindah ke Amanah atau PAS tetapi *Alhamdulillah* mereka telah sedar sebenarnya, kita dapat pengundi calon Barisan Nasional sebagai petanda semua itu kalau Sekinchan, sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Air Tawar, yang tawar-tawar pun dia bangkitkan dengan pilihan raya kecil Sg. Besar. Saya ucapkan terima kasih dan memang pada pilihan raya kecil Sg. Besar dan Pulau, Barisan Nasional hebat. Dengan Sg. Panjangnya, dengan Sg. Besarnya, dengan rambut panjangnya menang. Majoritinya besar tetapi dah tau, mereka tau dalam hati sanubari mereka, mereka menang dengan cara apa. Dalam hati sanubari mereka tau mereka menang dengan *fullluuus*, *fulus*, dengan duit, pitih. Saya nak bagi tahu balik bagi tambang RM200, RM400 di pejabat, Tan Sri Noh Omar.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Pencerahan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Daripada siang sampai malam..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sg. Panjang minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ok, ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Saya menang bukan sebab saya kuat sangat. Saya menang sebab Sekinchan ADUN kawasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak apa, hari ini dia menang. Dia boleh sombong. Tak apa. Terus kan kesombongan kamu, keangkuhan kamu. Ingat sejarah di Ijok dulu. Sejarah di Ijok dulu..

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Awak yang cakap sombong dulu Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dahsyat. Dahsyat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *You* yang *start* dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dahsyat, dahsyat. Sejarah..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Cakap orang sampah, cakap orang macam-macam..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sampah tu betul.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Siapa yang *start* dulu?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengkil,

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi Ketua Pembangkang duduklah depan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dengkil tak minta laluan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya bukan Ketua Pembangkang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengkil, nak jadi Ketua Pembangkang duduklah depan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *Insyah-Allah* nanti jadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Dengkil duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kita doakan, kita doakan Dengkil. Kita doakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan sambung.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, ya, terima kasih Dengkil. Kita doakan lah. Kalau Dengkil jadi Ketua Pembangkang tak ada masalah. Saya rasa semua boleh sokong ya. Yang sokong katakan sokong, sokong ya. Semua sokong, tak ada masalah. Jadi, tak apalah. Soal..tadi fasal

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** MB kata jangan menyimpang. Jangan menyimpang. Terus, terus..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sebab apa Sg. Air Tawar, dia jolok.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Cakap secara sopan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sg. Air Tawar, yang rasanya dia tawar tu dia jolok. Sebab, kononnya menang besarlah di sana dan sebagainya, jadi saya bagi lah sikit..

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Speaker, fasal tadi dia menuduh bahawa menukar atau merasuah. Sebab itu saya bangun Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sg. Air Tawar patutnya minta laluan dulu sebelum bercakap.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Saya minta laluan Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Sekinchan sambung. Sekinchan sambung.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya tak payah jawab dia lah ya kerana dia pun tak minta ya. Kurang sopan, kurang sopan jadi saya pun tak layanlah. Jadi, saya dah bagi tahu Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker di dalam Dewan yang mulia ini bahawa RM1,760 juta kita belanjakan untuk rakyat sejak 8 tahun. Jadi, untuk kita perkemaskan ya, hasil negeri untuk rakyat ini, saya ada beberapa cadangan supaya kita dapat tambah baik di mana kita kena wujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk kita meneliti 21 ni. Saya rasa 21 ni banyak sangat. Mungkin setakat 18 atau 15 cukup. Tapi, yang setiap ya, setiap program ini dapat menjana dan membantu rakyat, sasaran tu kena tepat dan sampai ke sasaran. Itu lah yang saya harapkan. Saya mulakan dengan hadiah pengajian IPT, di mana apa masalah nya dengan hadiah. Di mana urusan permohonan merumitkan kerana dokumen sokongan, maklumat permohonan seperti surat beranak, ya, kad pengenalan, sijil gaji ibu bapa dan lain-lain perlu disahkan. Di *scan*, seterusnya dan *upload* ke sistem <http://iptselangor.com.my>. Kemudian permohonan ini, permohonan yang berjaya pengurusan tidak memaklumkan kepada pemohon. Tidak memaklumkan, ada kalanya, ini yang selalu saya bangkitkan, cek telah disediakan tapi pihak urus setia tidak memaklumkan kepada penerima. Cek sudah ada, biar di situ. Ada yang cuti bersalin. Ya, ini memang kadang-kadang lah ya kita tahu ada yang cuti..(bahasa cina), cuti cirit birit, cuti cirit birit seperti (bahasa Jawa) dan sebagainya. Mereka cuti dan akhirnya tak ada orang yang telefon. Tak ada telefon dan cek itu sampai luput tarikh. Dan akhirnya mereka datang ke pejabat perkhidmatan ADUN, PKM dan sebagainya tanya. Mana cek saya, kenapa lama sangat, saya tunggu. Kita telefon, *check* balik, akhirnya, cek dah ada di pejabat urusan. Belum dikutip dan dibaca cek nya. Alaa..luput tarikh. Ini kelemahan, ya, maka saya minta pihak pengurusan dapat awasi waspada dan tingkatkan, perbetulkan kelemahan seperti ini dan saya minta kalau boleh, permohonan itu *time frame*, masanya dipendekkan. Masanya dipendekkan, masa dipendekkan satu yang keduanya cek-cek yang dah siap kalau tidak dapat menelefon kepada penerima terus hantar atau mintak pihak Pejabat ADUN wakilnya ataupun stafnya boleh datang kutip setiap dua minggu kutip sekali ataupun setiap bulan kutip sekali dua kali supaya cek itu dapat dihantar di Pejabat ADUN dan kita berserah kepada para penerima ini lebih baik mereka akan ada satu perjumpaan dan sebagai dengan ADUN. Kota Damansara.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABSUL MALIK:** Kota Damansara minta.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Kota Damansara kerana beri input-input.



**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kota Damansara

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Sekinchan. Adakah Sekinchan bersetuju bahawa sekarang ini pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri amat lemah?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Kota Damansara baru saya puji bagi input terus tuduh kita lemah. Tidak boleh bagi. Tidak apa. Kita saya nak bagi tahu pengurusan Kerajaan Negeri sekarang semakin cekap dan baru tadi mintak Insentif Perkahwinan kalau Kota Damansara nak mintak terus lulus kalau memenuhi syarat terus lulus. Mana tidak cekap ini cekap buktinya, buktinya cekap. Jadi tuduhan kata tidak cekap itu sengaja usik-usik dari Kota Damansara. Tidak apa. Biarlah, biar yang pentingnya saya sebagai ketua BBC dan Ahli Dewan Negeri dan semua teman-teman kita bertanggungjawab kita nak pastikan program yang kita rancang dapat dijalankan dengan baik mendapat bantuan daripada kakitangan kerajaan daripada semua yang terlibat supaya semua matlamat yang kita tetapkan dapat di realisasikan dan kelemahan ini itu cek lambat, luput tarikh dan sebagainya masa terlalu panjang saya harap perkara ini dapat diambil maklum kepada semua yang terlibat dan seterusnya tentang Insentif Perkahwinan di mana ini satu insentif yang cukup menarik dan mendapat perhatian di negeri lain Insentif Perkahwinan itu tiada tapi di Negeri Selangor ada. Luar biasa dan ramai anak muda apabila kita sebarkan kepada mereka tentang kita ada Insentif Perkahwinan mereka yang sudah bersedia untuk ada jodoh dan sebagainya bersedia untuk kahwin mereka dah dengar sahaja mereka begitu *excited* mereka tau Kerajaan Negeri cukup baik sampai ke peringkat belia pun di santuni maka mereka mohon untuk dapatkan RM500 2 orang itu RM1,000 kalau layak tetapi mereka gembira mohon *excited* dengan izin lepas dua bulan tiga bulan mereka telefon bagaimana permohonan kami lulus atau tidak?. Mereka dah kahwin dah. Kita kata masih dalam proses. Selepas tiga bulan lagi dah jadi enam bulan. Isteri dah mengandung pun. Dah mengandung Tuan Timbalan Speaker sebab anak-anak muda pun pro aktif jadi oleh sebab tenaga pun boleh tahan tidak macam Sabak. Tapi Sabak pun ok Sabak pun muda jadi mereka pro aktif kerana di Selangor ini makanan semua cukup jadi mewah. Oleh itu, enam bulan mereka telefon lagi di Pejabat ADUN dan sebagainya macam mana saya punya Insentif Perkahwinan kami berdua ini?. Kita cek lagi ada kes bukan semua ada kes tertentu bukan semua sebahagian kecil masih dalam proses, masih dalam proses maka mereka kata kenapa lambat sangat? Boleh cepat? Kita cuba. Ini contoh kisah benar, kemudian tunggu lagi sampai setahun. Kemudian anak dilahirkan, anak pun dah dinamakan Mr. Ang ataupun Muhammad ke dan sebagainya lah. Mereka datang kembali anak dah tiga bulan pun ada. Minta mana kita punya Insentif Perkahwinan? Kita kata baru nak keluar. Baru nak keluar cek dia?. Jadi mereka daripada peringkat awal *excited*, ghairah, gembira sampai enam bulan akhirnya mereka berasa agak kecewa sampai setahun lebih anak pun dah dilahirkan baru dapat. Cukup menghampakan. Jadi program yang baik, tujuan yang baik, matlamat yang baik oleh kerana proses kita birokrasi dan sebagainya tidak pro aktif akhirnya

telah menyebabkan si pemohon dua ini merasa hampa. Ini lah kelemahannya. Oleh yang demikian saya mohon jawatankuasa yang kita patut tubuhkan ini teliti kenapa duit itu tidak disampai cepat. Saya bagi tempoh sekurang-kurangnya biasanya setiap jodoh atau pasangan yang nak kahwin dalam tempoh tiga bulan sahaja pun kita bagi dia untuk mohon. Kemudian proses untuk permohonan kita ambil paling kurang paling lebih tiga bulan jangan sampai satu tahun bukan semua tapi sesetengah kes yang terpencil. Ini lah yang menyebabkan Pihak UPEN dan sebagai mereka ada dia punya birokrasi pusing sini kiri kanan. Kita nak fikirkan bagaimana untuk memudahkan, pemudahan cara Sabak ya supaya dalam tiga bulan kita dapat serah cek kepada anak muda ini. Mereka dapat betul-betul merasai bagaimana kecekapan Kerajaan Negeri dan saya harap Insentif Perkahwinan ini kita dapat percepatkan ini soal Tuan Timbalan Speaker dan seterusnya Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS). Tabung Warisan Anak Selangor ini Tuan Timbalan Speaker TAWAS ini ramai anak-anak si manja sudah dilahirkan mereka mohon apabila umur 18 tahun mereka akan dapat RM1,500. Sebelum ini kita bekerjasama dengan YAWAS dengan Ambank kita bagi satu kad si manja, kad si manja diberikan kepada ibu bapa tetapi sekarang entah apa masalah berlaku sekarang bank pun dah tak sanggup dan kad-kad yang ada pada ibu bapa pun kad tersebut perlu tukar dan oleh kerana kita janji setiap tahun kita akan masukkan dalam akaun RM100.00 dan ibu bapa yang dapat kad Si Manja mereka setiap tahun pergi cek sampai tahun pergi tahun pergi cek di bank ada yang masuk ada yang tidak masuk jadi ibu bapa pun datang ke sini. Kenapa anak Si Manja saya ini akaunnya tidak masuk?. Ini pula menjadi tanda tanya. Menjadi tanda tanya kelemahan. Akhirnya sekarang kita mintak ada berlaku pula berlaku kes-kes kad ini perlu ditukar sekarang semua diserahkan pada YAWAS. Mereka akan keluarkan satu *certificates* sijil RM1,500 tetapi ibu bapa di kampung-kampung mereka terpaksa pergi ke bank tutup akaun. Pergi ke bank masing-masing tutup akaun kemudian datang ke Shah Alam balik ambil sijil. Ini merumitkan mereka mendatangkan kerumitan kepada mereka khususnya yang bekerja jadi mereka mula-mula cukup gembira dengan program ini suka tetapi oleh sebab berlakunya birokrasi dan sebagainya akhirnya ada yang tidak begitu selesa. Inilah saya nak bangkit bukan kita nak tuduh nak marah tidak kita nak ambil maklum perkara ini jawatankuasa ini kita selidik apa yang boleh tambah baik supaya kurangkan kekangan birokrasi dan akhirnya program kita sampai ke sasaran. Saya harap cadangan daripada Skim Bantuan Tadika skim ini TAWAS ini dapat di perkemaskan. Saya harap kad-kad yang sudah luput yang tidak boleh guna lain kali kita jangan bersama dengan bank-bank ini. Bank-bank ini mereka pun tidak berapa yakin dengan kita, saya rasa mereka pun tak nak. Tidak apa. Kita dan sekarang deposit kita dah masuk RM100, RM200 ini bank tak nak pulangkan saya diberi tahu. Bank tak nak pulangkan kepada Kerajaan Negeri ini pun berlaku masalah. Jadi saya harap kerajaan dapat pantau perkara sedemikian. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker berkaitan dengan Skim Bantuan Tadika iaitu TUNAS. TUNAS cuba baik seperti apa yang saya terangkan kalau di Sekinchan anak masuk RM 70 ringgit yuran kerajaan bagi RM 50 satu kepala. Mana ada kerajaan yang baik begitu prihatin di Malaysia ini melainkan Kerajaan Negeri Selangor. RM50 ringgit satu

kepala tetapi cuma apa yang berlaku adalah kita seperti sekarang ini bulan 8 baru kita bagi bulan 1 bulan 2 bulan 3 untuk suku tahun yang pertama jadi agak jurang dia agak jauh sikit kalau boleh lebih cepat sikit. Ini pun soal kelewatan. Duit ada tapi tidak dapat diturunkan oleh kerana berlaku sistem dan sebagainya tidak dapat diturunkan jadi perkara ini saya harap cek-cek ini dapat dipercepatkan sampai ke Pejabat ADUN kita akan sampaikan semua pengusaha-pengusaha tadika supaya dapat di sampaikan kepada ibu bapa-ibu bapa penjaga ini perkara penting dan satu lagi ialah Skim Mesra Usia Emas ini antara 21 program. Skim Mesra Usia Emas memang secara dasarnya tiada masalah. Sambutan cukup hebat cukup menggalakkan 2500 baru semalam malam tadi saya turun bagi juga RM1,000 cukup bagi mereka yang kehilangan keluarga yang tersayang mereka cukup menghargai dengan RM1,000 dan RM1,500. Tiada masalah sekarang pembayaran untuk fasa kedua pun laju. Dulu tunggu 2 bulan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan sekarang tidak sampai tunggu tidak sampai sebulan pun dah boleh sampai fasa ke dua. Ini cukup pro aktif. Ini yang mana yang cukup pro aktif kita bagi pujian tapi cuma ada sesuatu yang perlu kita fikirkan iaitu mereka masih mintak ramai warga emas daftar sebagai ahli mereka mintak bilalah mula *Jom Shopping* lagi mereka nak *shopping* dan itu sahaja dan mereka nak pergi *shopping* sebab dulu mereka pernah *shopping* sekarang dah berhenti sementara waktu untuk warga emas RM100 *Jom Shopping* secara bergilir-gilir jawatankuasa yang ditubuhkan ini perlu semak dan tinjau apa masalahnya yang kedua dana mesti dapat daripada kerajaan dan saya harap memandangkan kupon iaitu RM100.00 yang kita beri kepada warga emas untuk *shopping* mereka untuk *shopping* 60 tahun ini mereka cukup terharu tetapi oleh kerana Kerajaan Persekutuan telah menekan ataupun mengenakan cukai GST menyebabkan barang di TESCO barangan di Giant di pasaraya dan sebagainya meningkat akibat ada *tax* 6% GST ini sekarang ini saya mohon lah cadangan saya dari jawatankuasa boleh dipertimbangkan supaya *Jom Shopping* untuk warga emas ini dapat di tingkatkan kepada RM150 dan ini satu perkara yang penting kerana mereka di bawah ini *Jom Shopping* apabila sampai masa mereka cukup suka mereka tanya telefon bila sampai giliran saya? bila sampai giliran saya? mereka menunggu-nunggu di Pejabat ADUN saban hari kerana kawan-kawan warga emas mereka ada yang dapat ada yang belum jadi kita perlu mulakan ini memandangkan Selangor ini satu negeri yang merakyatkan ekonomi. Saya harap RM150.00 dapat dipertimbangkan di perhalusi sesungguhnya untuk rakyat di bawah ini supaya Skim Mesra Usia Emas ini dapat ditambah baik dengan begitu baik sekali. Tujuannya adalah kita dapat beritahu rakyat bahawa apa yang kerajaan janji, apa yang Kerajaan Negeri buat ini betul-betul sesungguhnya untuk *Smart Selangor* yang peduli, *smart* Selangor yang peduli saya tidak mahu panjang memandangkan Kota Damasara dah faham, Sungai Air Tawar ada semua insentif semua mereka dah maklum tentang beberapa program saya tahu kadang-kadang pembangkang ini keliru dia tidak tahu berapa program yang ada Kerajaan Negeri dan kerajaan mereka kurang jadi saya ambil kesempatan ini dalam usul ini untuk saya perincikan satu persatu supaya mereka maklum bahawa Kerajaan Negeri Selangor ini bukan sebarang kerajaan, kerajaan yang cukup mantap, berwibawa dan membantu

rakyat mengambil keperluan yang tinggi untuk rakyat saya harap kita dapat teruskan kesinambungan ini dan akhir sekali sebagai rumusan satu jawatankuasa mesti ditubuhkan dan beberapa program yang tidak perlu boleh kita kurangkan dan lebih penting semua duit yang di belanjakan *value for money* dapat sampai ke bawah dan sistem penyampaian kecekapan perlu di tingkatkan dan kerenah birokrasi dapat di minimakan. Akhir sekali saya mohon mencadangkan Tuan Timbalan Speaker. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sekinchan yang mencadangkan saya persilakan penyokong Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Taman Medan Menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas yang akan menyemak serta menambah baik semua program-program di bawah Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor. Taman Medan hanya ingin menambahkan satu perkara-perkara yang lain itu kita serahkan kepada *insya-Allah* kepada Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan kemudian. Hanya satu perkara yang Taman Medan ingin sarankan supaya jawatankuasa ini juga akan menubuhkan pusat data yang akan membekalkan statistik sasaran yang perlu dicapai oleh setiap DUN ya, bawah skim-skim yang ada tersebut dan memaklumkan berapa banyak lagi yang perlu didapatkan supaya kita sentiasa, apa tu, tidak terabai ataupun tidak alpa dengan siapa yang belum lagi mendapat manfaat daripada skim-skim yang telah diadakan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, itu sahaja. Jadi, Taman Medan menyokong usul tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.* Sabak juga turut menyokong usul penubuhan jawatankuasa untuk penambahbaikan dalam Merakyat Ekonomi Selangor dan tidak ada kalimah yang lebih baik daripada selain daripada kalimah syukur Alhamdulillah di atas kejayaan Kerajaan Negeri dalam memacu Program Merakyat Ekonomi Selangor dan sekurang-kurangnya usaha ini akan terus dikenang oleh generasi Selangor yang akan datang di atas usaha yang telah pun Kerajaan Negeri laksanakan dalam proses untuk mengembalikan hasil negeri kepada rakyat. Syukur bagi yang Maha Esa kerana mempermudah segala urusan sehingga kita dapat memulangkan segala hasil negeri kepada rakyat dan syukur dengan makna meletakkan pergantungan kita kepada Yang Maha Esa. Syukur dengan terus meningkatkan usaha membantu rakyat marhaen di Selangor tanpa dibatasi bangsa, keturunan, agama dan beza fahaman politik. Syukur dengan kesungguhan untuk terus menentang segala bentuk penyelewengan, penindasan, pengkhianatan dan kezaliman. Syukur dengan melebarkan lagi kasih sayang silaturahim sesama insan

dan syukur dengan makna kita dan Kerajaan Negeri sanggup bermuhasabah bagi memperbaiki segala kesilapan dan kelalaian bagi setiap sudut urus tadbir kerana kita adalah insan. Nama pun insan. Dengan makna lupa ataupun lalai sebagaimana yang biasa kita dengar Innal Insan "*Sesungguhnya manusia itu tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan kesilapan*". Saya percaya semua pihak juga percaya bahawa program Rakyat Negeri Selangor ini tidak akan dapat menyelesaikan segala bentuk jenis, semua jenis kekurangan dan kemiskinan. Namun, sekurang-kurangnya inilah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu dan memberi penghormatan kepada rakyat yang telah memberi sumbangan dan kepercayaan kepada Kerajaan Negeri. Ibarat sebiji payung. Sebiji ke sebatang? Sekaki payung tidak mungkin akan dapat memberhentikan hujan tetapi sekurang-kurangnya kita akan dapat berhenti di tengah-tengah hujan. Untuk itu saya akan menyebut beberapa perkara sebagai penambahan apa yang telah disebut oleh Sekinchan sebentar tadi yang telah menyebut banyak perkara bagi membantu mungkin jawatankuasa yang akan ditubuhkan sekiranya bersetuju. Tentang soal kelewatan pembayaran elaun guru tuisyen telah pun disebut, soal kelewatan pembayaran Skim Insentif Perkahwinan Belia juga telah disebut, kelewatan pembayaran Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) kepada pengusaha tadika juga telah disebut. Namun, ada satu dua perkara. Pertama sekali dalam program pemeriksaan Skim Kesihatan Wanita (Mammogram) yang kita mendapati bahawa program ini biasanya dilakukan di waktu bekerja dan oleh sebab itu dia menyukarkan sebahagian besar daripada wanita-wanita untuk turut serta dalam program Mammogram ini. Jadi, kalau sesuai kita mencadangkan supaya Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan kupon yang tamat tarikh lebih kurang tiga (3) bulan atau 90 hari untuk diberikan kepada wanita-wanita yang berkelayakan untuk mendapat skim atau pemeriksaan kesihatan wanita ini supaya mereka boleh merujuk melalui kupon ini di mana-mana pusat kesihatan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, tidak tertakluk kepada waktu-waktu bekerja yang menyukarkan kepada wanita-wanita untuk turut dalam pemeriksaan kesihatan. Kemudian, begitu juga dalam kita menilai tentang program-program yang Kerajaan Negeri tawarkan dalam Rakyat Ekonomi Selangor. Sebagai contoh TAWAS umpamanya. Ini saya menyebut dalam konteks perbezaan syarat pemastautin. Perbezaan syarat pemastautin. Contohnya TAWAS, TUNAS dan Si Kembar. Kita mengehendaki syarat mastautin ialah lima (5) tahun. Hadiah IPT dan Insentif Perkahwinan Belia syaratnya ialah 11 tahun dan Skim Mesra Usia Emas syaratnya ialah 15 tahun. Jadi, ini kadang-kadang menyukarkan kita untuk apatah lagi masyarakat untuk mendapat akses maklumat-maklumat kerana perbezaan-perbezaan yang ketara terhadap syarat-syarat mastautin. Jadi, kalau sesuai untuk kita mencadangkan supaya syarat mastautin ini kita letak pada satu angka yang standard yang mudah untuk difaham dan diterima oleh seluruh masyarakat dan sebagai contoh mungkin kita boleh letak lima (5) tahun ataupun tujuh (7) tahun ataupun sekurang-kurangnya. Jadi, ini boleh dimudah faham oleh masyarakat dan begitu juga kita mendapati terlalu, terdapat banyak agensi-agensi, syarikat yang mengendalikan produk-produk Rakyat Ekonomi Selangor ini dan kita kalau boleh kita mengehendaki supaya ada satu skim yang dapat diselaraskan supaya mereka

boleh bergerak walaupun mereka yang mengendalikan banyak tetapi Kerajaan Negeri boleh *centralised* kepada satu sahaja dengan memperuntukkan dua tiga buah van untuk bergerak di banyak DUN di Negeri Selangor ini supaya dia boleh bergerak dengan satu pergerakan sahaja. Jadi, tidak perlu untuk kita, apa ni rakyat untuk akses banyak sangat melalui agensi dan syarikat-syarikat yang terlibat. Dan apatah lagi saya juga bersetuju bahawa maklumat-maklumat tentang Merakyat Ekonomi Selangor ini kadang-kadang sukar untuk bukan sahaja oleh Wakil Rakyat kadang-kadang sukar sampai untuk kepada rakyat-rakyat di bawahan terutama sekali boleh jadi di kalangan rakyat dan masyarakat yang mereka sukar untuk akses maklumat melalui *website* dan untuk muat naik turun borang-borang dan sebagainya. Jadi, oleh sebab itu kita mengatasi kurangnya informasi ini supaya kita dapat mencari jalan bagaimana untuk supaya maklumat-maklumat ini dapat disampaikan pada seluruh masyarakat apatah lagi boleh jadi masyarakat di hujung di Sabak Bernam, boleh jadi di hujung yang, boleh jadi hidup mereka kadang-kadang sukar untuk dapatkan akses *website* dan sebagainya. Kalau tentang cangkul, tajak tu dia taulah tapi tentang *internet*, *website* apa semua ni boleh jadi tidak ada berapa maklumat. Jadi, bagaimana untuk kita supaya maklumat itu dapat disampaikan bersama mereka sedang kita mempunyai 21 produk dan saya percaya bahawa tahun depan kita akan membelanjakan lagi dan banyak lagi produk-produk yang akan kita keluarkan melalui Merakyat Ekonomi Selangor. Jadi, sekadar itu Tuan Timbalan Pengerusi. Sabak turut menyokong atas usul yang telah dikemukakan oleh Sekinchan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sabak. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Timbalan Speaker. Saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan itu tadi. Tuan Speaker, kalau kita lihat inilah prinsip Kerajaan Negeri yang berjanji dengan rakyat supaya hasil negeri ini dikongsi sama dengan rakyat. Dalam berbagai-bagai program yang telah diaturkan, yang tadi sebanyak 21 program kebajikan untuk memulangkan hasil negeri kepada rakyat. Nak dibandingkan hasil negeri RM2.2 bilion setahun tak sebanyak mana tetapi seandainya diurus dengan baik rakyat dapat menikmatinya. Dalam banyak program-program MES yang telah kita laksanakan dibandingkan dengan RM2.6 bilion masuk akaun peribadi kalau diserahkan pada Negeri Selangor kita uruskan banyak program-program boleh kita buat. Tapi hingga hari ini nampaknya tiada satu agensi pun yang bertindak untuk memastikan bahawa salah laku Perdana Menteri masuk akaun RM2.6 bilion ke akaun peribadi itu adalah salah. Bahkan cuba digambarkan bahawa ia satu benda baik. Masuk akaun RM2.6 bilion ke akaun peribadi adalah satu jenayah di negara ini. Tuan Speaker, satu lagi ialah saya ucapkan tahniah banyak kepada Kerajaan Negeri, Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana telah memberi bonus satu setengah bulan bonus kepada kakitangan awam baru-baru ini dan menjelang menjanjikan masing-masing tengok dalam akaun ada tambahan satu setengah bulan bonus termasuk juga pada ADUN-ADUN dan pastilah EXCO dapat lagi banyak. Dan ADUN-ADUN Pembangkang tak sorang pun

pulangkan duit tu. Maknanya sokong Kerajaan Negeri Selangor. Dalam, yang ini saya nak bawa isu penyusunan semula Pemberian Air Percuma. Kalau kita lihat bahawa Kerajaan Negeri telah memberikan 20 meter padu pada setiap meter air di Negeri Selangor. Kalau kita lihat jumlahnya kian meningkat. Ini ialah jawapan Dewan. Persoalan saya yang lepas daripada 2008 bilangan akaun 7.91 juta, jumlah yang dibayar ialah RM68.674 juta telah meningkat 2015 kepada akaun 17,488 juta jadi jumlah dibayar ialah RM163,561,318 juta. Kalau kita lihat bahawa jumlah bayaran air percuma kian meningkat dari setahun ke setahun memandangkan pembangunan di Negeri Selangor terus meningkat. Saya mencadangkan supaya Pemberian Air Percuma ini disemak semula. Dari segi subsidi memang air percuma ini sangat bermakna bagi rakyat miskin seperti di Sabak ataupun Sungai Air Tawar ataupun Ulu Bernam atau mana-mana kampung ataupun kawasan-kawasan penempatan seperti pangsapuri-pangsapuri rumah kos rendah, rumah sederhana tetapi air percuma ini kurang bermakna bagi mereka yang kaya. Saya mencadangkan supaya semakin boleh dibuat Kerajaan Negeri agar rumah-rumah yang mewah nilainya RM1 juta ke atas agar disemak Skim Pemberian Air Percuma ini sebab prinsipnya ialah subsidi diberi kepada mereka yang memerlukan bukan kepada mereka yang tidak memerlukan. Jadi, dengan ini Kerajaan Negeri boleh membuat sedikit penyusunan semula pada pemberian air percuma kerana kadar ini terus meningkat dan saya setuju supaya tarif tidak dinaikkan. Itu yang pertama. Yang keduanya, saya nampak ada satu sektor yang tertinggal dalam MES ini yang saya rasa sektor ini perlu diberi perhatian sungguh-sungguh oleh Kerajaan Negeri. Yang saya ni memanglah antara yang disebut bahawa ADUN Kota Anggerik sangat prihatin terhadap ibu tunggal. Sektor ini insan-insan istimewa yang telah melahirkan manusia ke dunia ini tidak termasuk dalam Program Merakyatkan Ekonomi Negeri. Satu, jumlah ibu tunggal nampaknya kian meningkat. Pertamanya ialah mereka yang kematian suami. Ada yang kematian suami pada usia yang muda. Yang terpaksa mencari rezeki untuk menyara keluarga. Yang kedua kerana perceraian. "Ku sangka panas sampai ke petang rupanya hujan di tengah hari, Sekinchan". Jadi, jumlahnya meningkat. Ketika Sabak menjadi EXCO, saya tanya soalan berapa ramai yang berdaftar untuk bercerai di Negeri Selangor? Jawapannya meningkat 6,000 setahun, tiap-tiap tahun. Yang kedua ialah ibu yang ditinggalkan oleh suami. Yang ni tidak ada data tetapi yang datang pejabat DUN ramai. Ada yang muda-muda, Sekinchan. Yang keduanya, yang keempatnya ialah saya dapati jumlah ibu yang melahirkan anak tanpa pernikahan yang sah juga meningkat. Dalam soal Dewan saya yang lepas, saya tanya berapa ramai anak luar nikah yang berdaftar di Pejabat Pendaftaran Negeri Selangor?

Dari 2008 hingga 2016, jawapannya meningkat. Pada tahun 2013, jumlah anak luar nikah yang dilahirkan di Negeri Selangor ialah 4900 dan jumlah ini konsisten 4000 lebih setahun. Maknanya ada ibu-ibu yang melahirkan anak tanpa suami yang sah dan jumlahnya ialah 4000 lebih setahun dan mereka ini juga menjaga anak-anaknya.

Yang kelima ialah wanita yang tidak bernikah. Kalau kita tengok data nisbah lelaki dan wanita pada hari ini, jumlah wanita lebih ramai berbanding lelaki. Ketika saya belajar di universiti, empat (4) blok siswa, dua (2) blok siswi. Baru-baru ini saya balik ke universiti yang sama, saya dapati lima (5) blok siswi, satu (1) blok siswa. Nisbah 1 dengan 5. Jadi jumlah wanita yang tidak bernikah, dia terbalik jadinya. Jadi jumlah wanita tidak bernikah sekian meningkat. Saya minta Kerajaan Negeri supaya beri perhatian khas kepada program-program untuk membantu ibu-ibu ini dan skim-skim khas yang disediakan. Ketika ini tidak ada skim khas disediakan untuk membantu mereka dan mereka terpaksa diletakkan dalam program-program yang lain.

Saya rasa baik EXCO yang laki-laki atau wanita setuju dengan cadangan ini supaya ada program khas, skim khas sekitar RM20 juta setahun ke diperuntukkan untuk menjaga ibu-ibu ini. Kalau tak ada EXCO nak jaga ibu-ibu ini, biar Kota Anggerik menjadi penangung kepada ibu-ibu ini.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker, mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik, Dengkil mahu mencelah ni. Silakan Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya amat sedih dan terharu dengan rayuan daripada Kota Anggerik ini. Tapi sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Kota Anggerik pun rasanya maklum. Janji kepada ibu tunggal ni sejak daripada 2008, manifesto tapi sampai sekarang ni dah 8 tahun tak ditunai. Adakah Kota Anggerik sekarang ni nak membangkitkannya secara ayat sopannya supaya untuk Kerajaan Negeri menimbangkan tetapi sebenarnya janji daripada Kerajaan Negeri untuk membantu ibu-ibu tunggal ni sudah 8 tahun tertunggak. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ketika ini, program-program membantu ibu tunggal itu diserapkan dalam bentuk-bentuk program yang lain. Dia boleh masuk dalam program Mimbar, Hijrah, boleh masuk program-program bantuan melalui kebajikan. Cuma kali ini kita nak susun semula. Sebab itu usul ini ialah menyusun semula MES Selangor agar diperkemas, agar fokusnya jelas. Bukan maknanya ibu tunggal tidak dijaga. Ibu tunggal tetap menjadi perhatian Kerajaan Negeri Selangor dan kita minta kajian dijalankan supaya penyusunan ini melihat ada fokus khas untuk membantu bilangan ibu tunggal yang kian meningkat di Negeri Selangor. Mungkin pendaftaran pernikahan mereka di luar Selangor tetapi penceraianya berlaku di Negeri Selangor dan mereka datang ke Pejabat Pusat Khidmat untuk meminta bantuan. Saya cadangkan program-program khas diberi seperti latihan, latihan kemahiran, bantuan mula perniagaan dan kalau boleh ada Pusat Sehati untuk bantu mereka. Kalau pergi Dengkil ada satu pondok Jenderami. Disini ramai wanita-wanita yang berada di situ. Saya dah bisik kepada EXCO untuk melawat Jenderami. Kalau turun ajak Dengkil turun sekali, Kota Anggerik pun nak ikut sama. Ini sangat baik. Saya rasa untuk Kerajaan Negeri minta PKNS sediakan tanah,



sediakan *fund* khas untuk membuat pondok begini untuk menempatkan bagi ibu-ibu tunggal ini atau golongan profesional yang tidak bernikah dan pencen. Ada tempat disediakan untuk membantu mereka agar di usia lanjut, di usia tua ini ada tempat untuk mereka berlindung dan sebagainya. Lain-lain program juga kita cadangkan supaya dibuat.

Yang keduanya ialah bas percuma. Bas percuma ini kesannya sangat besar kepada ekonomi dan saya sangat berterima kasih kerana sebahagian besar kawasan Kota Anggerik diliputi dengan perkhidmatan bas percuma. Seorang penumpang boleh menjimatkan RM2.00 sehari sekurang-kurangnya. Bagi sebulan 20 hari, dia jimat ialah RM40.00. Untuk tempoh 10 bulan tolak cuti, dia menjimatkan RM400.00 seorang. Saya difahamkan sudah ada 1 juta penumpang, 1 juta ya? Ha? 1.9 juta. Saya ambil genap 1 juta. Kalau 2 juta, seorang menjimatkan RM400.00. Kalau 1 juta, RM400 juta kesan ekonomi. Kalau 2 juta, RM800 juta kesan ekonomi yang bergerak dalam masyarakat. Kerajaan hanya belanja RM15 juta. Kesan ekonominya melebihi RM500 juta. Inilah ekonomi bukan kita belanjakan RM42 *billion* tak tahu pergi mana? Tahu tahu ada di Amerika kan? DOJ pergi buat pula masuk mahkamah. Malu.

Saya nak kongsi satu cerita. Pada hari raya baru ni, saya jumpa seorang kawan bekerja dengan *World Islamic Bank*. Pegawai tinggi Kerajaan. Dia kata “Yang Berhormat, sekarang saya rasa amat malu.....”

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik, minta diringkaskan Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Nak cerita dia rasa malu nak mengaku sebagai rakyat Malaysia. Di mana-mana pergi, orang tanya. *What happened to your country? What happened to your Prime Minister?* Sebab ini malu. Tetapi dalam Negeri Selangor kita belanjakan RM15 juta, kesan ekonominya melebihi RM500 juta. Sebab itulah, saya mencadangkan supaya bas percuma ini diluaskan lagi ke kawasan-kawasan lain. Mana-mana kawasan DUN yang belum mendapat bas percuma, minta bas percuma sebab kesan ekonominya sangat besar. Sebab itulah, saya rasa rakyat Negeri Selangor berbesar hati dengan Dato' Menteri Besar yang ada. Kalau 1 bulan setengah untuk raya, untuk hujung tahun ni tambah lagi sebulan setengah. Hoi, saya rasa, kita rasa Dato' Menteri Besar memang terbaikkah yang ada di Negeri Selangor ini dan kita nak kekalkan dia terus jadi Menteri Besar atau pun dia naik pangkat jadi Perdana Menteri.

Betullah kata Chempaka. Dia kata orang yang tak nampak kebaikan di Negeri Selangor ni seperti orang yang tinggal dalam perigi buta, tak nampak. Siapa yang ada di atas ni memang nampak bahawa kebaikan-kebaikan di Negeri Selangor dan kita sokong usul ini agar diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persilakan Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan, Salam 1 Malaysia. Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam usul nombor 11 daripada Sekinchan untuk mewujudkan sebuah Jawatankuasa Menambahbaik Program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Sebagai ADUN, sebagai wakil rakyat, walaupun kami daripada pihak pembangkang. Saya bersetuju menyokong untuk kepentingan rakyat dan Negeri Selangor. Kita menyokong usul ini untuk menambahbaik Program MES tetapi kebanyakan hujah-hujah cadangan daripada Sekinchan itu memang saya tak setuju, banyak menyimpang. Kalau Menteri Besar beritahu, Dato' Menteri Besar beritahu fokus, kita bercakap dengan berhemah, jangan kita menghina orang sana, orang sini tetapi arahan itu tidak dipatuhi oleh Sekinchan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri.

Jadi saya ingin mengupas beberapa isu yang boleh kita kongsi bersama untuk Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menambahbaik program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini. Yang pertama, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Dasar Air Percuma. Semua orang dapat, saya setuju dengan Kota Anggerik tadi. Semua orang dapat, orang kaya dapat, orang miskin, orang Bangladesh, orang yang tinggal di Negeri Selangor ini yang mempunyai akaun di SYABAS semua dapat. Dasar ini tidak konsisten. Dengan pelbagai dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor yang ada. Kalau kita lihat skim hadiah anak masuk universiti, golongan yang berpendapatan RM2,000.00 ke bawah sahaja yang dapat, RM3,000.00 ke bawah. Terima kasih, Hulu Kelang, sahabat saya membetulkannya. Yang mendapat faedahnya. Begitu juga dengan skim apa yang dipanggil mungkin juga skim Tabung Warisan Anak Selangor dan juga skim-skim lain yang menetapkan pendapatan itu sebagai syiling untuk membantu golongan sasaran.

Tetapi dalam kes air percuma ini, Kerajaan Negeri sudah membelanjakan hampir RM100 atau pun RM11 juta setahun, RM150 juta secara terkumpulnya dan ianya tidak menepati sasaran disebabkan ramai di kalangan kita yang sepatutnya tidak perlu dibantu dengan RM11.00 potongan daripada akaun SYABAS itu. Sepatutnya kita boleh berikan kepada kumpulan sasaran dan lebih banyak lagi orang miskin yang mungkin tiada air di rumah mereka, kita boleh sambungkan paip. Lebih banyak lagi juga golongan kumpulan sasaran yang boleh kita bantu selain daripada juga kita boleh memberikan atau menggunakan dana tersebut untuk kita membaiki paip-paip air sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Bukit Gasing, ada 80 *hot spot* paip air dan duit ini boleh digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut.....

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon, mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing minta tu Dengkil. Bagi tak?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tidak perlu bagi kepada Yang Berhormat Bukit Gasing. Dia tak perlukan RM11.00 tu. Kita perlukan kumpulan sasaran untuk kita terus menambahbaik kumpulan itu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dia perlukan jawapan kepada pernyataan Yang Berhormat Dengkil. Boleh bagi tak laluan kepada Bukit Gasing?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tadi Yang Berhormat Dengkil kata sambungkan paip kepada rumah yang tak ada air. Boleh tak buktikan mana rumah di Selangor yang tak ada sambungan bekalan air ini. Sebab yang setahu saya negeri Sarawak di bawah BN itu yang tak ada sambungan air.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ada, Syahbandiah di Semenyih. Tempat Bukit Gasing tak ada orang asli. Tempat saya ramai Orang Asli. Tak ada air, tak ada api, kita boleh bantu.

Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya alu-alukan. Tadi Kota Anggerik kata nak datang ke Dengkil untuk pergi melawat Yayasan Al-Jenderami. Betapa susahnyanya di sana, macam mana Kerajaan Negeri boleh membantu. Kalau kita boleh jimatkan duit orang kata tu, duit rakyat ini, duit kerajaan ini dengan memberikan bantuan kepada golongan sasaran.

Tuan-tuan, Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, itu bab berkenaan dengan air percuma. Kalau boleh kita selaraskan dan saya juga setuju supaya tarif air ini jangan kita naikkan cuma kumpulan sasaran ini perlu kita tetapkan untuk bantuan air percuma ini.

Yang kedua, berkenaan dengan TAWAS, Tabung Warisan Anak Selangor. Saya difahamkan, Sekinchan beritahu 235,000 orang yang lahir telah didaftarkan untuk Tabung Warisan Anak Selangor ini. 235,000 kalau kita kalikan dengan RM1,500.00, lebih kurang RM350 juta untuk dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh mungkin 15 tahun, 18 tahun yang akan datang nak diberikan Sijil Simpanan Premium setelah mereka berumur 18 tahun. Mana Kerajaan Negeri nak mengambil atau pun nak mengumpulkan wang sebegitu banyak. Bermula daripada sekarang ini dah ada ke pelan pelaburan, pelan perancangan yang teliti lagi rapi untuk membelanjakan atau pun untuk memberikan semula kepada yang layak.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan sedikit, Dengkil.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tadi Dengkil menyatakan ramai orang asli di kawasan Dengkil, Jenderam yang tak ada paip air dan sebagainya kan? Setuju ke Dengkil kalau wang kebocoran 1MDB yang dibawa ke Amerika, ke Las Vegas untuk bermain judi dan sebagainya dibawa balik untuk bantu Orang Asli di situ. Setuju ke tidak?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya dah masuk topik Tabung Warisan. Ini mungkin dapat SMS dari Menteri Besar lah ni. Saya dah habis dah. Saya nampak tadi, Dato' Menteri Besar main.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ini tuduhan, tuduhan jahat.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya nampak Dato' Menteri Besar main *sms*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ini soalan-soalan yang baru saya fikir soalan yang terbaik. Duit dah bawa pergi Amerika, bawa balik tolong Orang Asli. Saya rasa itu lebih berbaloi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Setuju ke tidak?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tidak, saya tidak setuju. Yang Berhormat Sekinchan, isu DOJ ini masih lagi dalam siasatan, dia tak ada kena mengena. Semalam Yang Berhormat Sungai Pinang, semalam tak pergi taklimat, taklimat daripada Arul Kanda. Kami sebahagian itu, saya tak pergi, saya tiada di sini tapi sebahagian daripada mereka pergi. Sepatutnya Yang Berhormat Sungai Pinang, Sekinchan, Dato' Menteri Besar saya alu-alukan untuk mendengar taklimat daripada 1MDB, duit 1MDB tak hilang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta lagi penjelasan, minta lagi penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Saya tidak menyimpang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soal Arul Kanda, nasi kandar ini orang tak percaya, nasi kandar orang tak percaya nasi kandar.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya nak fokus pada Merakyatkan Ekonomi Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Okey.. teruskan. Rajiv tak apa duduk..duduk..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** MES sini, janganlah masuk bab lain, main SMS. Tak apa, tak apa, sekarang ini saya nak tahu RM350 juta, RM350 juta ini Kerajaan Negeri daripada sekarang ini bagaimana hendak cari. Adakah dulu apa yang disebutkan daripada usul penyata daripada JPABBAS kita bagi peringkat-peringkat umur darjah 1 kita bagi sikit, masuk tingkatan 1 kita bagi sikit tetapi apa yang lebih penting kita mestilah menjadi Kerajaan Negeri yang peduli, yang bertanggungjawab. 15 tahun yang akan datang, 18 tahun yang akan datang mungkin Pakatan Harapan tidak ada lagi, tidak wujud, mungkin tidak dapat lagi mentadbir Negeri Selangor. Tetapi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab perlulah memberikan perancangan yang teliti daripada sekarang bagaimana untuk membiayai Program TAWAS yang bernilai beratus juta ringgit ini. Tuan-tuan, Yang Berhormat- Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kemudian saya nak sentuh satu lagi isu sahaja. Isu peningkatan hasil galian, hasil galian yang disumbangkan oleh penjualan pasir dan juga penjualan mineral.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Dengkil kita membahaskan tentang produk MES.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Yes, hasil galian, peningkatan hasil galian termasuk dalam Program MES.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Peningkatan hasil galian tidak termasuk dalam Program MES.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya dapat maklumat ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Siapa sms itu? Ada orang sms ke?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Peningkatan hasil galian diberikan semula untuk rakyat, betul? Itu Program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang disumbangkan oleh peningkatan penjualan pasir. Ialah dia ada kaitan lah tu, pasir. program ataupun aktiviti pasir ini ialah untuk menambahkan pendapatan kemudian diberikan kepada demi rakyat. Saya nak beritahu selepas itu, saya nak kaitkan sebenarnya di dalam kawasan saya sendiri. Dia korek-korek pasir itu akhirnya sudah menjadi kawah yang besar dan akhirnya tempat itu tidak boleh dijadikan apa-apa. Tempat itu seperti ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat saya nak ulang balik, kita membahaskan usul menambah baik produk MES, kita tidak bercakap tentang pengorekan lombong dan sebagainya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ya saya faham. Tapi saya nak kaitkan supaya peningkatan hasil galian ini yang kita berikan kepada produk-produk MES ini supaya dapat juga kita sama-sama kaji dan teliti supaya hasil guna tanah itu selepas diambil pasir itu dapat kita majukan semula tanah itu kalau sekarang ini memang tidak dapat dimajukan. Saya ambil contoh..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, tak relevan, tak relevan. Saya minta Yang Berhormat pindah ke tajuk lain atau saya minta Yang Berhormat berhenti.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ini yang menyebabkan kita dapat hasil untuk program MES ini Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Dengkil itu tidak relevan. Tolong pindah yang lain.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Okey kalau macam itu tak apa, sikit sahaja, sikit sahaja. Hasil pasir ini sebenarnya ianya membantu Program Ekonomi Selangor dan ianya yang terletak ini sikit fasal tempatan sikit. Ianya terletak berdekatan di Paya Indah Wetland yang hari ini menjadi kontroversi. Saya nakkan Kerajaan Negeri, Dato' Menteri Besar kalau ada isu-isu ini jawab, sama ada di dalam Dewan, di luar Dewan supaya ianya tidak menjadi tanda tanya kepada rakyat dan masyarakat di luar sana. Okey saya...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta penjelasan. Apa pula kena MES dengan Paya Wetland ini? Jadi dah perlu bangkitlah perkara-perkara yang berbangkit. Jadi Tuan Timbalan Speaker minta jangan buang masa, kita menunggu ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi peluang Y.B. Dengkil untuk tukar yang lain.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Okey, saya dah sampaikan itu hasrat supaya walaupun tempat itu berdekatan...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sudah, sudah sekarang ini saya minta duduk.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya nak pergi kepada perkara lain Skim Mesra Usia Emas, boleh? Yang Berhormat Speaker, Skim Mesra Usia Emas yang disebut oleh Sekinchan tadi diberikan RM2,500 kepada penerima-penerima 60 tahun ke atas. Program ini dah dimulakan sejak zaman Barisan Nasional lagi. Janganlah kita hendak bangga-banggakan sangat. Dah dimulakan awal, ia..ia.. jadi tugas kita hanya menambah baik daripada masa ke semasa. Cuma saya nak ingatkan kalau program ini khusus untuk warga emas tetapi apakah kalau berlakunya kecelakaan, kemalangan yang menyebabkan kemalangan jiwa kepada anak-anak

belia kita, keluarganya tidak mampu, menyebabkan kematian dan sebagainya, mereka tidak dilindungi oleh program ini. Sekurang-kurangnya berilah sikit kelonggaran supaya skim ini juga boleh dilibatkan kepada golongan bawah 60 tahun yang menghadapi kemalangan, kecelakaan yang patut dibantu oleh Kerajaan Negeri. Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Sekinchan yang membawa usul ini. Saya katakan kami menyokong kami merupakan wakil rakyat yang peduli sesuai dengan konsep kita iaitu kita mendahulukan rakyat. Rakyat dihulukan, pencapaian diutamakan. Sekian, *Wabillahitaufik Wahidayah Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Dengkil. Saya persilakan Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, di Dewan Yang Mulia ini pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Sekinchan yang membawa usul. Secara ringkasnya saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya Skim Mesra Usia Emas yang merupakan satu program yang cukup baik. Di Hulu Klang sendiri di peringkat pemberian RM1,000 saya telah menyempurnakan lebih daripada 1,000 waris maknanya hampir sejuta yang telah diagihkan di peringkat fasa awal dan seterusnya dikemas kinikan. Di antara input yang dikehendaki, yang dihajati warga emas sendiri sebagai ahli telah mereka mendapat manfaat daripada skim ini dalam hayat mereka, di mana pada masa lepas yang pertama dan yang kedua program ini dijalankan mereka di bawa ke *Jom Shopping* tapi nampak gayanya lama dah tak ada, *Jom Shopping* Warga Emas. Jadi mungkin sekiranya Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa saya mencadangkan konsep dasarnya yang mendaftar sebagai warga emas mendapat manfaatnya sama ada dalam bentuk RM2,500.0 mereka dapat RM1,000.00 terus ataupun kiraan yang wajar dan yang telah daftar dulu secara berperingkat dibayar untuk faedah mereka sama ada RM500,000.00 ataupun satu cadangan yang telah dikemukakan setiap kali *birthday* mereka, hari jadi mereka dengan izin diberikan satu token *Jom Shopping* ataupun satu baucar yang boleh mereka tukarkan sebagai pengiktirafan. Bagi saya Hulu Klang kami lebih menekankan sumbangan ini adalah untuk menghargai sumbangan warga emas dalam membangunkan ekonomi, sosial, kebajikan dan permuafakatan dalam masyarakat Selangor yang perlu dihargai. Itu merupakan satu program yang kemas sekiranya dilakukan. Dan yang keduanya saya ingin menyentuh tentang bekalan pemberian bekalan air percuma 20 meter padu yang mana program ini hendaklah kita teruskan sebagai syarat bahawa kita komited, Kerajaan Pakatan Harapan komited bahawa yang penting air tidak boleh dijadikan sebagai satu komoditi untuk memberikan kekayaan dan keuntungan yang besar kepada mana-mana pihak iaitu kita menyediakan air sebagai hadiah kerana dalam Sunah Nabi adalah dinyatakan terbaik daripada hadiah-hadiah ini adalah pemberian air. Jadi kita mengingatkan bahawa dalam masyarakat kita saling memberi hadiah antara satu sama lain dan oleh kerana itu saya melihat bahawa sebahagian daripada masyarakat di Selangor ini tidak perlu RM11.40 potongan setiap bulan dan sekiranya wajar jawatankuasa boleh menyiasat dan meneliti diwujudkan tabung kasih sayang.

Tabung mana di mana orang yang tidak memerlukan ini boleh nyatakan dan ada sistem yang membolehkan potongan dilakukan di seluruh Negeri Selangor dan dimasukkan ke dalam tabung yang boleh digunakan sebagai tabung untuk membantu di dalam Program Pembasmian Kemiskinan sama ada pemberian air atau pemberian-pemberian program menambahkan bilangan mereka yang menerima hadiah daripada *food stamps* Program Negeri Selangor. Jadi maknanya kasih sayang ini menggambarkan bahawa Kerajaan prihatin kepada rakyat untuk mengingatkan rakyat bahawa Kerajaan tidak berhasrat dan berniat untuk menjadikan air sebagai komoditi keuntungan dengan memberi potongan dan bagi pihak rakyat yang tidak memerlukan juga dia menterjemahkan ucapan terima kasihnya kepada Kerajaan Negeri Selangor dengan *volunteer* dengan izin tidak menerima sumbangan itu boleh disalurkan kepada satu tabung yang dinamakan Tabung Kasih Sayang untuk diberikan program-program pembasmian kemiskinan kepada rakyat Negeri Selangor, itu satu cadangan. Yang ketiganya saya ingin melihatkan, saya ingin mencadangkan bahawa Program *Jom Shopping* adalah satu *trademark* dengan izin kepada Program Kebajikan Dan Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor dengan diadakan secara tetap dan berterusan pada sasaran-sasaran tertentu seperti warga emas, ibu tunggal, orang yang susah, di samping program Kerajaan yang telah diadakan secara *consistent* dengan izin di peringkat hari perayaan jadi dengan itu *Jom Shopping* merupakan satu program khas yang mempunyai sasaran-sasaran yang berbagai-bagai yang mereka ini *continues process* dengan izin untuk membolehkan rakyat mendapatkan khidmat kebajikan daripada Kerajaan dan di dalam penyata yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan, antara kelebihan *Jom Shopping* ini adalah satu perasaan di mana *feel good factor* dengan izin di kalangan rakyat yang mengatakan Kerajaan prihatin, ADUN turun *shopping* bersama, Kerajaan memberikan sumbangan terus untuk meningkatkan kebajikan di dalam masyarakat. Yang akhir Tuan Timbalan Speaker saya ingin menyentuh satu program yang dinamakan TAWAS yang mana kita menjanjikan pemberian RM1,500 ketika anak itu telah berusia 18 tahun dan dalam kiraan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa JPPABBAS kita mendapati bahawa ini adalah satu dengan izin *bomb shell* yang akan berlaku kerana apabila sampai tempoh 18 tahun ini kita tidak tahu nak cari duit kat mana. Kita yang perlu dibelanjakan setiap tahun dalam kiraan kami dulu ialah RM90 juta apabila telah matang dan sebelum itu 90 juta, dan ia merupakan satu bebanan sekiranya tidak diatur dari sekarang bagaimana kita hendak memberikan bayaran itu. Dan ada cadangan dalam penyata itu menyatakan boleh dicadangkan agar di *convert* dengan izin ditukar program ini bukan sebagai pemberian RM1,500 ketika dia berusia 18 tahun tetapi Program Anak Masuk Tadika yang menyebabkan RM250-RM300 bagi anak masuk tadika ataupun Program Anak Masuk Sekolah yang menyebabkan RM500-RM700 sekiranya *parents* ibu bapa memilih. Jadi saya menyeru sekiranya jawatankuasa ini akan ditubuhkan, kajian semakan semula pada penyata-penyata yang telah diedarkan sebelum Peraturan Tetap menetapkan bahawa Kerajaan belum menjawab Penyata dan penyata ini telah dikemukakan lebih awal daripada itu. Dengan itu saya



menyokong agar penubuhan jawatankuasa oleh Kerajaan untuk menilai program ini, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Hulu Klang akan saya persilakan wakil kerajaan tapi sebelum itu saya bagi lagi 2 wakil, Yang Berhormat saya persilakan Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya menyokong Usul No. 11, Peraturan Tetap 26 (1) iaitu menubuhkan Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk menyemak, menambah baik semua Program MES demi meningkatkan kecekapan dan kebajikan rakyat negeri Selangor. Yang pertama, Seri Serdang ingin menyentuh berkenaan dengan kelewatan pembayaran elaun guru Tuisyen Rakyat. Tadi pun telah disebut tetapi ingin menambahbaikkan supaya, sebelum ini kita menyentuh kelewatan membayar kepada Koordinator Pembangunan Modal Insan hanya dibayar 11 bulan sahaja tidak seperti PWB yang *complete* 12 bulan, setahun, memandangkan kerja mereka lebih kurang sama setiap minggu dengan program-program Tuisyen Rakyat. Dan juga, mereka juga menjalankan program sokongan di DUN bukan sahaja memfokuskan kepada Tuisyen Rakyat tetapi program-program kebajikan, contoh, berkenaan dengan lawatan-lawatan dan sumbangan-sumbangan Ramadhan juga mereka melibatkan diri.

Untuk Seri Serdang menyarankan pembayaran elaun guru ini perlulah efisien, diproses setiap bulan bagi mengelakkan kelewatan pembayaran. Dan kalau boleh disebarkan sama dibayar seperti mana dibayar pada KPML. Yang kedua, berkenaan dengan insentif perkahwinan telah pun disebut tadi dengan Tunas. Proses pembayaran Tunas ini agak lewat dan banyak *complaint* di peringkat DUN dan Seri Serdang menyarankan supaya proses pembayaran bantuan perlu diproses setiap bulan berdasarkan laporan kehadiran pelajar. Seterusnya pemeriksaan kesihatan, Skim Wanita Mammogram. Seri Serdang ingin mencadangkan bukan sekadar Mammogram sahaja untuk kaum wanita, kita fokus juga kepada *pap smear* iaitu kanser rahim. Di mana ramai wanita yang mengidap kanser rahim yang meninggal tanpa maklumat yang dapat kepada kita dan Program Ibu Tunggal juga perlu dimasukkan ke dalam program MES memandangkan di bawah DUN Seri Serdang hampir 300 lebih yang telah daftar di bawah pendaftaran ibu tunggal. Jadi, tahniah kepada Kota Anggerik memang ambil berat tentang ibu tunggal ini memandangkan ramai di kalangan ADUN-ADUN wanita kita dan kita tidak boleh elak juga mana tahu ya, program-program ini dan disarankan kepada EXCO wanita supaya adakan satu insurans berkenaan kanser ini kepada kaum wanita terutama ibu tunggal. Untuk peserta yang layak yang diberikan kupon juga saya menyokong daripada Sabak supaya menetapkan kupon-kupon ini menyebabkan melibatkan penglibatan yang terhad daripada wanita-wanita yang berkerjaya.

Bas percuma, Seri Serdang ingin merasakan dukacita juga di mana bas percuma ini tidak sampai ke tempat yang telah disasarkan iaitu di Puchong Permai di mana kawasan rumah pangsa kos rendah yang ramai lebih kurang 4,000 lebih penduduk di situ dan tidak ada bas percuma di situ dan saya harap akan datang, Kerajaan Negeri ambil berat berkenaan dengan jalan-jalan. Telah pun saya cadangkan kepada MPSJ dan kalau ada MPSJ pada hari ini, tolong ambil juga ya, perhatian supaya rumah pangsa ini, kemudahan penduduk-penduduk situ berulang-alik dari tempat kerja dan sebagainya. Yang terakhir, Seri Serdang ingin menyarankan supaya Program MES ini disiarkan secara meluas dan ramai di antara penduduk-penduduk, rakyat-rakyat di bawah Negeri Selangor tidak dapat makluman yang terperinci berkenaan Program MES walaupun dalam Selangorkini atau media sosial. Dengan ini, Seri Serdang menyarankan supaya menubuhkan satu agensi syarikat yang mengendalikan Produk MES di bawah Skim Selaras, di bawah Projek *Management Office* dan sekurang-kurangnya informasi dan maklumat kepada masyarakat berkenaan produk MES ini walaupun dah 2 penggal kerajaan di bawah Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran dan Seri Serdang menyarankan agar membekalkan sebuah *mobile van* berserta peruntukan 2 orang petugas bagi membolehkan semua pejabat ADUN membuka kaunter bergerak kawasan DUN masing-masing pada setiap waktu bekerja atau hujung minggu. Ataupun mengadakan satu jabatan penerangan di peringkat negeri Selangor untuk memperluaskan taklimat-taklimat MES ini ke seluruh negeri Selangor. Sekian, terima kasih. Seri Serdang menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker membenarkan Teratai menyertai sesi perbahasan untuk Usul No. 11 ini. Teratai ingin mengetengahkan 6 perkara sahaja dalam sesi perbahasan ini memandangkan masa singkat. No. 1 adalah berkenaan dengan pemberian untuk penerima-penerima MES ini yang mana Teratai selalunya terima aduan berkenaan dengan jenis pemberian yang berlainan. Sebagai contohnya bagi Skim SMLE pemberian adalah secara tunai tetapi bagi TAWAS adalah secara, dulu ialah kad bank, lepas tu ditukarkan kepada sijil. Lepas itu bagi Insentif Perkahwinan Belia, ialah dengan satu slip. Jadi, Teratai mencadangkan supaya pemberian itu haruslah diselaraskan untuk mengurangkan kekeliruan di kalangan orang ramai ataupun dengan memudahkan pengurusan di peringkat pusat khidmat masing-masing. Selain daripada itu, Teratai juga ingin mengetengahkan berkenaan dengan isu pengesahan pemastautin. Terdapat banyak skim-skim MES yang telah ditawarkan oleh kerajaan Selangor yang sememangnya cukup baik kepada rakyat Selangor yang mana kerajaan Selangor berhasrat untuk berkongsi hasil Kerajaan Selangor yang hanya dapat daripada tanah sahaja dengan seluruh rakyat Selangor. Akan tetapi apabila menyentuh isu pengesahan pemastautin, ada sesetengah skim yang hanya membenarkan ataupun menyediakan kolum untuk ditandatangani oleh Ketua Kampung sahaja yang mana terdapat ada penduduk-penduduk kami yang tidak tinggal di kampung sahaja yang mana mereka tinggal di kawasan taman ataupun flat ataupun apartmen. Jadi,

terdapat juga ada satu insentif perkahwinan belia yang memerlukan sijil berhenti sekolah yang mana ada ramai kalangan pemuda yang sekarang tidak lagi menyimpan Sijil Berhenti Sekolah. Ke manakah mereka harus mengemukakan dokumen sebegini hanya untuk menjadi penerima yang layak untuk dalam skim yang cukup baik iaitu Insentif Perkahwinan Belia ini. Tambahan pula berkenaan dengan tempoh pelepasan yang berkenaan dengan untuk penerima Skim-skim MES ini, ada perbezaan dengan mengikut skim-skim yang berbeza. Teratai sedia maklum bahawa skim-skim yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor ini adalah mengikut mungkin mengikut EXCO ataupun mengikut anak-anak syarikat yang ditubuhkan di bawah kerajaan Selangor. Akan tetapi, tidak ada satu jawatankuasa untuk melakukan tindakan penyelarasan. Ini telah menimbulkan ketidaksenangan ataupun kekeliruan bukan sahaja di kalangan orang awam tetapi juga menyusahkan apabila pusat khidmat kami ingin nak membantu kita untuk kita kata membantu mereka untuk menyerahkan borang ataupun menerima aduan mereka supaya aduan mereka dijawab. Jadi, selain daripada itu, Teratai juga ingin mengetengahkan isu berkenaan dengan bajet yang telah diberikan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina dan juga sekolah-sekolah termasuk sekolah agama yang mana sekarang apabila sekolah-sekolah ini mereka cukup bergembira apabila mereka terima sumbangan daripada Kerajaan Selangor akan tetapi sekiranya sumbangan kami hanya dilepaskan pada hujung tahun ataupun selepas bulan Jun setiap tahun, ini menjadikan tempoh kegembiraan itu telah menurun sebab kebarangkalian sekolah-sekolah mereka memerlukan dana apabila sekolah buka. Jadi, Teratai cadangkan supaya bagi sumbangan ini haruslah dilepaskan pada awal tahun. Jadi, akhirnya Teratai selalu berucap atau memberitahu rakyat di kawasan Teratai bahawa dengan skim MES yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Selangor sememangnya ramai penduduk yang cukup gembira apabila mereka tahu kerajaan Selangor yang cukup mengambil berat atas kepentingan mereka dan cukup prihatin yang mana adalah jauh beza dengan Kerajaan Persekutuan tetapi Teratai juga menerima ada *complaint* ataupun pertanyaan daripada satu golongan yang mungkin Kerajaan Selangor boleh pertimbangkan iaitu golongan wanita ataupun lelaki yang belum kahwin tetapi kini mereka menuju ke usia, warga usia emas. Jadi mereka tanya Teratai bahawa apakah yang mereka boleh memohon daripada skim MES yang mana kemungkinan ada di antara mereka tidak ada rumah sendiri, yang mana ada antara mereka yang bukan tergolong dalam golongan yang boleh memohon sumbangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, bagi skim SMLE hanyalah diberikan kepada golongan ataupun selepas warga emas meninggal dunia. Jadi, Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat memberikan sumbangan kepada mereka terutama sekali warga emas yang masih hidup di dunia ataupun mengambil berat terhadap golongan rakyat Selangor yang belum kahwin dan bukan ada seorang kawan Teratai yang tanya Teratai, adakah selepas, selalunya kita nampak wakil-wakil rakyat yang selalunya menyuarakan tentang kepentingan ibu tunggal. Mereka katakan adakah mereka haruslah berkahwin dan selepas itu cerai semula supaya jadi ibu tunggal dan layak menerima kebaikan ataupun skim-skim yang ditawarkan oleh Kerajaan

Selangor. Jadi, Teratai berharap kerajaan Selangor dapat mengambil berat berkenaan dengan golongan yang tidak kahwin ini. Sekian, Teratai menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Teratai. Kampung Tunku nak juga?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Pendek sahaja. Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap. Saya tidak ingin berucap panjang memandangkan Dato' Menteri Besar ada, saya sekadar memberi pandangan. Saya rasa boleh diterima baik oleh pentadbiran iaitu skim ini kalau kita lihat sebenarnya telah pun berlangsung selama 8 tahun. Tahun ini tahun ke-8, saya kira sudah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri Selangor sama ada melalui penubuhan Jawatankuasa Pilihan ataupun jawatankuasa di peringkat eksekutif untuk memantau setiap satu program-program yang dilakukan ini. Dan saya kira tidak harus, kita harus bangga dengan program ini kerana adanya program ini pada tahun 2008 kita harus ingat sejarahnya, kerajaan persekutuan mengikut langkah kita. Dia mengadakan BRIM, mengadakan macam-macam lagi program-program kononnya kebajikan. Tapi semua ini dimodelkan atas MES Selangor dan saya rasa ini adalah suatu yang kita di Pakatan, kerajaan Pakatan ini harus bangga dan apa yang perlu dilakukan sekarang ialah penambahbaikan itu perlu diadakan. Dan saya menyokong usul-usul daripada Yang Berhormat Sekinchan dan saya juga merayu rakan-rakan di sebelah sana supaya mengambil bahagian dalam program-program ini. Ini adalah program untuk seluruh rakyat Selangor termasuk juga orang kampung, orang-orang UMNO, orang-orang MCA. Saya kira ini adalah berkat sebagai orang Selangor sekiranya Yang Berhormat di sebelah sana, pembangkang, dia asyik membangkang sahaja, dia tidak mahu ambil peduli sampai ke jawatan ketua pembangkang pun dia tidak berharap ataupun berminat untuk ambil maka saya rasa ini menunjukkan mereka bersikap hipokrit mendahulukan politik daripada kesejahteraan rakyat. Ini adalah satu sikap yang tidak harus dikalahkan. Dengan ucapan-ucapan ini saya berasa dan memohon sangat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menerima baik semua cadangan yang dikemukakan oleh ADUN. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Kampung Tunku. Saya persilakan wakil kerajaan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Usul No. 11 Tahun 2016 yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan berhubung satu Jawatankuasa Khas perlu ditubuhkan untuk Menyemak dan Menambah Baik Semua Program MES demi meningkatkan kecekapan dan kebajikan rakyat Selangor. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat

Sekinchan yang telah mengetengahkan usul ini dan juga semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam usul berhubung Jawatankuasa Khas ini untuk ditubuhkan dan menyemak dan menambah baik semua program-program MES demi meningkatkan kecekapan dan kebajikan rakyat Selangor. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada ..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sementa tolong duduk sebentar. Jam telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari maka saya tangguhkan sesi dewan sehingga jam 2.30 petang nanti. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Baiklah Yang Berhormat Sementa. Sila sambung penggulungan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Taman Medan, Sabak, Kota Anggerik, Hulu Klang, Dengkil, Teratai, Seri Serdang dan Kampung Tungku yang bersama-sama mengambil bahagian dalam Usul No.12 ini. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak 2008 Kerajaan Negeri Selangor di bawah pemerintah Pakatan Rakyat, kita berbangga kerana telah melaksanakan pelbagai program-program yang memberikan peluang kepada rakyat untuk merasai hasil negeri, hasil negeri dapat dikongsi bersama rakyat. Jadi, penambahbaikan Program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini yang mana sekarang ini semakin bertambah dari segi kos kewangan dan juga meningkat dari segi penerimanya. Maka sudah sampai masanya setelah 8 tahun kita perlu untuk menambahbaikkan lagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Walau pun saban tahun Kerajaan Negeri berbelanja untuk pelaksanaan Program MES Merakyatkan ekonomi Selangor ini dan ia lebih kepada kebajikan kepada rakyat, namun simpanan Kerajaan Negeri bukan semakin susut tetapi semakin bertambah. Dan Alhamdulillah ini juga adalah berkat kesungguhan seluruh pimpinan Kerajaan Negeri dan juga para penjawat awam, para pegawai-pegawai yang berada di peringkat sama ada peringkat Kerajaan Negeri dan juga di peringkat PBT dan semuanya yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komited *transperant* dan tidak rasuah. Dan inilah ya yang menyebabkan kutipan hasil kita semakin meningkat dan simpanan kewangan negeri semakin bertambah. Ini juga adalah berkat doa daripada seluruh rakyat Selangor yang begitu bersyukur dari kerana dapat merasai hasil kekayaan negeri melalui program-program Merakyat Ekonomi Selangor yang dilaksanakan. Dengan perbelanjaan sejumlah RM1,760,199,349.00 selama 8 tahun ianya dapat dinikmati oleh hampir seluruh rakyat Negeri Selangor. Selama 8 tahun ya, dan juga ianya dapat disebar luaskan kepada penerima. Seluruh rakyat Selangor *almost everyday*, setiap hari ianya dapat dinikmati oleh rakyat Selangor melalui air percuma dan yang lain-lain ya melalui program-program Merakyatkan Ekonomi yang lain seperti Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas, Skim Kesihatan Wanita, Si Kembar, Tunas dan pelbagai lagi. Bermakna sangat merakyat dan sangat, sangat menyeluruh berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional yang hanya membenarkan RM2.6 bilion masuk ke dalam 1 akaun seseorang di Putrajaya. Jadi inilah sangat berbezanya ya apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor terutamanya dari segi pentadbiran dan pengurusan kewangan.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Beberapa isu yang diketengahkan adalah tentang TAWAS, Ibu tunggal, Skim Kesihatan Wanita atau

Mamogram dan juga skim Mesra Usia Emas yang mungkin saya boleh menjawab bagi pihak saya. Namun ada beberapa isu-isu yang lain seperti insentif perkahwinan belia dan juga hadiah anak masuk universiti dan beberapa yang lain mungkin saya, saya tidak perlu untuk menjawab. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tentang isu TAWAS yang dibangkitkan oleh Sekinchan, peruntukan RM100.00 oleh Kerajaan Negeri yang didepositkan ke Ambank bagi pembukaan akaun simpanan tetap atau FD, TAWAS Ambank, bayaran kepada ahli TAWAS dibuat terus dari akaun Ambank. Walau bagaimanapun berikutan bertambah ahli seramai lebih daripada 200 ribu orang dan kelewatan pengeluaran simpanan tetap oleh Ambank, Ahli Lembaga Pengarah YAWAS pada 2013 telah bersetuju untuk memberhentikan deposit ke Ambank bagi pembukaan akaun ahli *fixed deposit* TAWAS ini. Kini, pembayaran digantikan dengan penyata simpanan TAWAS yang diuruskan oleh YAWAS. Manakala dana RM100.00 yang sebelum ini pernah diuruskan oleh Ambank kini diuruskan oleh pihak YAWAS. Bengkel ada, ada

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker, saya minta pencerahan sedikit. Tentang YAWAS yang mengendalikan TAWAS ini di mana Ambank diminta untuk tutup akaun di Ambank, saya nampak ada perkara yang berlaku di mana semua Ahli-ahli TAWAS ini, ibu bapanya diminta untuk pergi tutup akaun itu. Adakah 1 mekanisme yang boleh kita lakukan di mana ahli-ahli TAWAS khususnya ibu bapa mereka tidak perlu pergi tetapi hanya untuk *sign* 1 surat kuasa TAWAS untuk uruskan kerana ini sangat membebankan ya. Mereka ulang-alik dengan perkara ini tetapi ini mereka kempelin dengan perkara seperti ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sekinchan. Pihak YAWAS akan mengambil maklum tentang perkara tersebut. Seterusnya, Dengkil membangkitkan tentang di mana kita nak dapat duit untuk kita membayar sejumlah yang besar apabila anak-anak ini berusia 18 tahun nanti. Sebenarnya 1 enakmen Tabung Anak Amanah Warisan Anak Selangor telah dibentangkan dan diluluskan dalam Sidang DUN sebelum ini pada 2015 dan daripada keputusan tersebut sebanyak RM 12.5 juta akan disalurkan ke tabung ini setiap tahun sehingga tahun 2026 yang mana pendaftaran anak-anak kita sejak 2008 akan matang. Dan dalam masa tersebut kita ada 10 tahun lagi untuk kita mengisi tabung tersebut dengan nilai RM12.5 juta ini dan akan terkumpul *by*, apabila matang 2026 sebanyak RM125 juta. Jadi dan ini juga akan dilaburkan ke institusi yang boleh dipercayai.

Seterusnya Sabak ingin memastikan tentang keberkesanan program pemeriksaan mamogram ini yang mana tadi disebut tentang beberapa servis *provided* ini tidak memberikan, memilih hari-hari tertentu sahaja. Tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, 2 pembekal iaitu servis *provider* iaitu Hospital KPJ dan Hospital Colombia Asia menyediakan perkhidmatan pada hujung minggu. Jadi, mana-mana Ahli Dewan Negeri ataupun kumpulan wanita yang akan dibawa untuk melaksanakan program *mammogram* ini boleh dibuat setiap hari. Tidak semestinya pada hari bekerja sahaja. Kerajaan Negeri juga mempertimbangkan cadangan mengenai

penggunaan kupon ataupun mungkin panel ataupun borang di, di Hospital tersebut bagi peserta-peserta yang ingin menjalani pemeriksaan secara bersendirian atau mereka terus ke hospital berkenaan untuk mendapatkan pemeriksaan saringan. Ini kita akan mempertimbangkan.

Berkenaan dengan penyeragaman syarat pemastautin untuk program-program seperti TAWAS, TUNAS, Sikembar, Hadiah IPT, Skim Mesra Usia Emas dan program *Food Stamps*, Kerajaan Negeri akan mengkaji cadangan yang dikemukakan ini supaya kita boleh mensejajarkan syarat pemastautin bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat dan juga kepada pihak petugas-petugas kita di peringkat DUN.

Kota Anggerik yang sangat prihatin tentang isu ibu tunggal. Ya, sebenarnya di peringkat Kerajaan Negeri semua program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan juga terutamanya Program-Program *Jom Shopping* yang kita laksanakan setiap kali musim perayaan sama ada *Jom Shopping* Hari Raya, *Jom Shopping Deepavali*, *Jom Shopping Chinese New Year*, kita akan memastikan prioriti kepada ibu tunggal. Jadi sebenarnya tiada masalah untuk kita terus membantu ibu-ibu tunggal ini dalam program-program di bawah Kerajaan Negeri. Antaranya juga Program Hijrah. Hijrah juga, kita menggalakkan ibu tunggal mengambil bahagian dan mengambil, menjadi peserta Hijrah ini. Juga dalam program *food stamps*

**TUAN SPEAKER:** Sementa, Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kota Anggerik mencadangkan sebuah dana khas. Ketika ini program-program untuk bantuan ibu tunggal diserapkan dalam program-program yang lain. Cadangkan 1 dana khas, program khas di bawah apa ni, Kerajaan Negeri katakanlah kita utorkan RM20 juta. Jadi program memperdaya ibu tunggal ini member daya, member daya ibu tunggal ini, terima kasih banyak Batu Tiga, dapat fokus dan ada program yang berfokus untuk mereka sebab 5 kategori yang saya sebut tadi jumlahnya kian meningkat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik. Sememangnya sebenarnya sudah sampai masanya untuk 1 skim khas untuk ibu tunggal di Negeri Selangor di laksanakan namun saya memerlukan *feedback*, maklum balas daripada rakan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita melihat apakah yang terbaik yang kita boleh laksanakan dalam program khas untuk ibu tunggal ini dan juga berapakah dananya yang diperlukan. Jadi yang ini, kita, saya mohon berikan sedikit masa untuk kita meneliti perkara ini.

Seterusnya tentang penyebaran maklumat MES, Merakyatkan Ekonomi Selangor. Maklumat mengenai kesemua program MES boleh didapati melalui portal MES yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi kemudahan rakyat. Namun Kerajaan Negeri tidak menolak kemungkinan masih lagi terdapat penduduk yang



tidak mempunyai akses Internet bagi menyemak dan berdaftar secara *online* bagi membendung masalah ini, Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. adalah agensi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program MES ini. Setakat ini, penyertaan di bawah program MES sangat memberangsangkan dan ini menunjukkan bahawa segala usaha yang telah digembleng oleh setiap agensi yang dipertanggungjawabkan membuahkan hasil dan berjaya menarik perhatian rakyat Negeri Selangor.

Berkenaan isu Skim Mesra Usia Emas yang banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana kita juga telah lama tertunggu-tunggu bila kita akan melaksanakan program Jom *Shopping* untuk Warga Emas. Jadi 1 kertas cadangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat MMKN yang akan datang iaitu dengan kita yang mana di bawah Skim Mesra Usia Emas kita memperuntukkan sejumlah RM2,500.00 melalui peruntukan yang ada RM2,500.00 maka RM500 ini akan dikeluarkan untuk kita laksanakan Program Jom *Shopping* Warga Emas. Dan ia akan dilaksanakan 2 tahun *interval*. Maknanya, kalau warga emas itu berumur 60 tahun pertama, pertama kali 62 tahun, 64, 66, 68 dan 70. Maknanya 5 kali mereka boleh *bershopping*, 2 tahun selang, berselang 2 tahun. Jadi, boleh mencukupkan RM500 yang kita keluarkan dan dalam tempoh masa 10 tahun dan *insya-Allah* sekiranya diluluskan dalam Mesyuarat MMKN yang akan datang, kita akan melaksanakan sebelum penghujung tahun ini. *Insya-Allah*. Kerana peruntukan juga memang telah ada. Telah disediakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO daripada Sementa. Saya memerhatikan bahawa jawapan daripada Skim Mesra Usia Emas ini, memang kerajaan bertungkus-lumus nak bantu warga emas, bagaimana supaya mereka merasai. Tapi masalahnya cadangan dan juga kertas MMK yang akan diangkat ini dia tidak begitu sesuai saya nampak untuk warga emas dia perlu masa 10 tahun untuk RM500.00 daripada RM2,000.00 itu. Saya nampak kalau boleh kita minta anak-anak syarikat seperti Kumpulan Semesta dan sebagainya salurkan dana kita bagi Jom *Shopping* ya RM150.00 yang kita minta untuk setiap warga emas walaupun dua tahun sekali pun tak apa tapi dapat bukan dengan cara ambil RM500.00 untuk 10 tahun. Kalau RM500.00 untuk dua tahun ataupun tiga tahun itu boleh dipertimbangkan. Saya mintalah pertimbangan yang sewajarnya lah supaya oleh kerana inflasi, oleh kerana kenaikan harga ya setiap tahun ni RM100.00 ni nampak dia besar tapi nampak dah tak berapa oleh kerana kerja-kerja Barisan Nasional ini lah menyebabkan rakyat susah jadi Selangor ni kita kena ke depan sedikit. Saya minta ya ke arah *Smart* Selangor yang peduli ya. Haah minta RM150.00 minta sungguh-sungguh daripada anak syarikat.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Sekinchan, perkara ini pun belum putus lagi jadi *Insya-Allah* kita akan cuba kaji semula dan kita akan perbincangkan dan akan dibawa di dalam Mesyuarat MMKN yang akan datang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua sehingga kini seramai 73,260 warga emas yang mana kita telah pun menyalurkan kewangan Kerajaan Negeri sebanyak RM172,163 kepada penerima-penerima Skim Mesra Usia Emas ini. Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional kita memperuntukkan RM2,500.00 dan kita betul-betul pulangkan RM2,500.00 ini kepada penerima ya tidak ada bocor sana sini dan pihak Pejabat Pusat Khidmat, ADUN-ADUN semua melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Jadi inilah yang dilaksanakan di bawah program-program merakyatkan ekonomi Selangor jadi segala penambahbaikan yang telah pun kita perdengarkan tadi dan diperbincangkan *insya-Allah* kita akan mengambil maklum dan kita pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk melihat dan bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memastikan Program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini akan bertambah baik dan dapat dilaksanakan serta dapat dinikmati oleh seluruh rakyat negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menyeru satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk menyemak dan menambahbaik semua Program Merakyatkan Ekonomi Selangor, MES demi meningkatkan kecekapan dan kebajikan rakyat negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

Baiklah sebelum saya meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya saya menjemput Setiausaha Dewan untuk membentangkan Maklum Balas Penyata Jawatankuasa yang baru diterima mengikut Peraturan Tetap 76(7). Setiausaha Dewan sila teruskan.

#### **IV. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2016
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor, *Special Select Committee On Water Resources Management Of The State Of Selangor*, JPKSAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Kualiti Kawalan Pencegahan Pencemaran di Lembangan Langat dan Kaedah Mitigasi Pencemaran di negeri Selangor.
  
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2016
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS Bagi Dewan

Negeri Selangor berkenaan *Impact Transpacific Partnership Agreement*, TPPA terhadap Syarikat milik Kerajaan Negeri, State Own Enterprise.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul untuk menangguhkan Dewan.

## V. USUL PENANGGUHAN

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian Persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam tempoh tiga bulan lagi Kerajaan Negeri akan membentangkan Belanjawan 2017. Belanjawan tersebut pastinya akan berdepan dengan berbagai bentuk cabaran dan suasana ekonomi global dan ekonomi negara yang semakin gawat dan rakyat terus dibebankan dengan pelaksanaan cukai GST ekoran skandal kewangan mega 1MDB seperti yang telah pun didedahkan oleh *Department of Justice* dan telah diperincikan oleh Akhbar *The Guardian* beberapa hari yang lalu. Skandal ini bukan sahaja telah merobek maruah dan kedaulatan negara tetapi rakyat terkesan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat ekoran pelaksanaan GST. Justeru itu, kita di peringkat negeri Selangor amat komited untuk membentangkan sebuah Belanjawan yang benar-benar peduli rakyat. Kita memerlukan satu usaha yang kolektif untuk merangka sebuah Belanjawan yang boleh meringankan beban rakyat, meningkatkan kesejahteraan dan memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Kita mesti mendukung hala tuju negeri Selangor sebagai sebuah negeri pembangunan dan menjulang gagasan Smart State yang peduli rakyat. Hari ini Selangor terus menjadi destinasi pelaburan di kalangan pelabur-pelabur asing dan tempatan. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kita bersama Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk mengemukakan dasar-dasar yang pro perniagaan dan mesra pelabur dan mengujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif termasuk mempertahankan mutu pentadbiran Kerajaan Negeri hari ini, iaitu dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker, *Moderation And Justice*. Apabila Kerajaan Negeri dengan dukungan Ahli-Ahli Dewan Negeri dan pihak eksekutif termasuk Anggota Perkhidmatan Awam dapat mempertahankan prinsip kesederhanaan dan keadilan dalam melaksanakan dasar-dasar ini pastinya negeri Selangor akan terus muncul sebagai sebuah negeri yang maju, makmur dan berkeadilan.

Dalam sesi kali ini, kita juga telah mendengar berbagai saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki sistem penyampaian dan meningkatkan projek-projek pembangunan yang memberikan kesan gandaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi di dalam Negeri Selangor termasuk program-program kebajikan dan keadilan sosial.

Saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengalu-alukan cadangan-cadangan yang telah dibahaskan sepanjang dua hari ini dan saya meminta pihak Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk meneliti cadangan-cadangan tersebut dan mengadakan dialog belanjawan dengan perbagai kumpulan termasuk dengan Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas yang lebih jelas sebelum kita menggubal Belanjawan 2017 dan dibentangkan dalam sidang yang akan datang.

Perkara yang kedua, Yang Berhormat Tuan Speaker, yang ingin saya berkongsi pada petang ini ialah kita di peringkat negeri yakin muafakat yang terjalin di antara pihak eksekutif termasuk Anggota Perkhidmatan Awam di negeri Selangor dengan pihak legislatif termasuk Ahli-Ahli Dewan Negeri akan menghasilkan sinergi yang mampu merealisasikan hasrat dan objektif Kerajaan Negeri. Saya sering mempertahankan supaya muafakat ini terus disuburkan kerana muafakat pastinya membawa berkat. Kita tidak mampu untuk tewas di negeri Selangor. Negeri Selangor tidak mampu jatuh tetapi negeri Selangor mesti terus bangun dan bangkit bagi memastikan negeri ini menjadi penyumbang utama kepada KDNK Negara. (Tepuk Meja) dan ini pastinya akan menjamin prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pentadbiran kerana ia dapat memberikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat di negeri Selangor secara keseluruhannya. Maka sekali lagi saya mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Anggota Perkhidmatan Awam untuk meletakkan kepentingan negeri Selangor dan rakyat negeri Selangor mengatasi kepentingan dan fahaman individu dan kelompok.

Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk memastikan mandat yang telah diberikan oleh rakyat dalam pilihan raya yang lalu dapat diangkat melalui terjemahan dalam bentuk projek-projek pembangunan dan keadilan sosial agar rakyat dapat menikmati kekayaan negeri ini secara meluas.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan dan Urus setia yang telah membuat persiapan yang rapi untuk menjamin perjalanan mesyuarat dengan lancar dan pada petang ini persidangan kita telah tamat dan saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini saya ingin memaklumkan bahawa Persidangan Speaker-speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia Tahun 2017 akan diadakan pada 12 hingga 14 Mei tahun depan di Shah Alam. Ia merupakan satu

penghormatan kepada Selangor sebagai Tuan Rumah yang kali terakhir dianjurkan di Selangor pada tahun 2003.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor turut berkenan merasmikan Persidangan tersebut pada 13 Mei 2017. Sehubungan dengan itu, semua Ahli Yang Berhormat dipohon mengambil maklum perkara tersebut dan turut menjayakannya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Urus setia dan Pegawai Kerajaan atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar. Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula kepada pentadbiran Dewan sekiranya terdapat pembedulan.

Dengan ini, saya menangguhkan Persidangan hari ini hingga kesuatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 3.00 petang )**